

قتين تيته

## PETIKAN TITAH

"NAMUN kita bersyukur kerana masih mempunyai anggota masyarakat yang prihatin, yang sentiasa bersedia untuk menyumbangkan khidmat bakti bagi membantu golongan-golongan ini. Di antara tanda keprihatinan itu ialah penuaian zakat oleh orang-orang Islam."

- Titah Sempena Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 1429 Hijriah / 2008 Masihi anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di Pusat Persidangan Antarabangsa pada 13 Oktober 2008M / 12 Syawal 1429H.



# Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

## MANISNYA IMAN

"DAN tahukah engkau apakah jalan yang sukar itu? Iaitu memerdekakan hamba. Atau memberi makan pada hari berlaku kelaparan. Kepada anak yatim yang ada hubungan kerabat."

- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Balad ayat 10-12).

TAHUN 59 / BILANGAN 18

10 FEBRUARI 2014 / 10 ربيع الأخير 1435

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

## Berangkat ke Konsert Muzik Tradisional Jepun



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan berangkat ke Konsert Muzik Tradisional Jepun di Jerudong International School. Berangkat sama ialah Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

JERUDONG, Sabtu, 8 Februari. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan berangkat ke Konsert Muzik Tradisional Jepun di Jerudong International School.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna di sini dijunjung oleh Duta Besar Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Kenichi Sukanuma.

Berangkat sama ialah Yang Amat Mulia Pengiran Lela

Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Tuan Yang Terutama Kenichi Sukanuma menjelaskan, konsert 'ONE ASIA - AUN & HIDE: Taiko Fusion Music From Japan' itu bersempena Sambutan Ulang Tahun Diplomatik Ke-30 Tahun Negara Brunei Darussalam dan Jepun.

Konsert yang menampilkan artis-artis dari Jepun dan Negara Brunei Darussalam mempersembahkan idea-idea muzik dan budaya yang berbeza antara satu sama lain dalam menarik penonton untuk menghayati persembahan unik tersebut.

Persembahan kebudayaan oleh Kumpulan Senandung Budaya serta tiga artis Jepun turut menyerikan konsert tersebut.

Ke muka 24

## Bendera negara berkibar megah



GILANG-GEMILANG ... Upacara Menaikkan Bendera Besar Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30 Tahun berlangsung di kawasan lapang bangunan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah ibu negara menandakan bermulanya pengibaran bendera-bendera di seluruh negara bagi semua lapisan masyarakat dan penduduk di seluruh negara. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.



13 Hari Lagi

Ke muka 12 dan 13

## Kualiti kesihatan rakyat dipertingkatkan

Oleh : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim, Norrasidah Jumat

Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Februari. - Kementerian Kesihatan akan terus melaksanakan pelbagai program dan inisiatif melalui perancangan strategik semata-mata bertujuan meningkatkan lagi kualiti kesihatan dan kesejahteraan rakyat serta penduduk di negara ini.

Antara inisiatif yang telah dilaksanakan termasuklah pembangunan infrastruktur kesihatan, penambahbaikan dan menaik taraf fasiliti yang sedia ada seperti bangunan-bangunan hospital, pusat-pusat kesihatan, klinik-klinik kesihatan serta makmal-makmal serta kemudahan yang berkaitan dengan perkhidmatan penjagaan kesihatan di negara ini secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof



Muka 4

MENTERI Hal Ehwal Ugama bertukar pendapat bersama Pengerusi Majlis Ash-Shoura



Muka 6

TINGKATKAN pengetahuan Islam

menjelaskan perkara itu semasa mempengerusikan Sesi Muzakarah Dengan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Al 'Afiah, Kementerian Kesihatan, Berakas, di sini.

Ke muka 24

# Anak watan tulen sanggup menjunjung langit di mana berpijak

Bismillahir Rahmanir Raheem  
Assalamu'alaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh

SEGALA puji dan syukur kita ucapkan ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan rahmat-Nya maka Majlis Penyampaian Sijil kepada sekumpulan mahasiswa Negara Brunei Darussalam seberang laut yang telah mengikuti perkampungan sivik selama 4 hari dapat diadakan.

Sesuai dengan majlis ini, peramba / saya ingin menggunakan kesempatan ini untuk menyatakan satu renungan atau pemikiran atau *reflection* mengenai diri penuntut atau pelajar atau mahasiswa, sebahagian nya kita raikan pada petang ini, sebagai anak-anak kita, *our children*, di dalam konteks bernegara.

Sangat lumrah dan mudah kita mengungkapkan atau menyebut-nyebut yang "anak-anak kita masa hadapan kita, masa hadapan watan atau negara".

Abis kita semua, anak-anak muda yang berseri-seri dengan keremajaan adalah anak-anak watan harapan dan masa hadapan ibu bapa, masyarakat dan negara.

Ini adalah kenyataan yang sudah terang lagi bersuluh. Cukup nyata dan tidak ada sangkalan mengenainya.

Walaupun bagaimanapun sedemikian, apakah kita mengerti dan menghayati sepenuhnya apa di sebalik pernyataan ini yang ringan mulut kita menyebutnya setiap hari.

Peramba / saya akan menyatakan satu urutan untuk menyungkit makna dan nilai-nilai di dalam pernyataan ini.

Apabila disebut *anak-anak* kita adalah masa hadapan kita, ianya tidak cukup dan terhad kepada *anak-anak* bagi satu kohort atau generasi saja. Ia adalah keturunan dari satu generasi kepada generasi-generasi mendatang yang melibatkan ratusan tahun.

Di dalam tempoh yang panjang ini, jasad demi jasad akan hilang dari dunia ini, tetapi faktor-faktor keturunan atau baka atau *heredity* dan manifestasinya di dalam bentuk nilai-nilai yang kehidupan akan terus diwarisi oleh generasi akan datang.

Apakah yang menjadi warisan untuk menjamin masa hadapan kita?

Yang menjadi warisan itu ialah pewaris-pewaris yang menjadi pembawa atau *carrier* keturunan atau baka yang baik dan pengamal nilai-nilai murni kehidupan, kesemua ini untuk dipastikan kesinambungan atau *continuity* dan kewujudan nya sebagai teras kepada yang kita sebut-sebut *masa hadapan*.

Di sinilah bermulanya bisnes negara di dalam membuat pelaburan untuk mempersiapkan dan membentuk anak-anak watan sebagai *agent* dan komponen masa hadapan kita.

Apakah pelaburan dan persiapan yang ditangani oleh kerajaan?

Pelaburan dan persiapan ini tidak lain dan tidak bukan ialah pendidikan.

Di dalam pendidikan, selain dari memimba ilmu, terdapat proses yang tidak kurang pentingnya sebagai pelengkap iaitu proses hubungan dan interaksi di antara pelajar dengan ibu bapa, sekolah, guru, sesama pelajar, ahli masyarakat, kerajaan dan dunia.

Hasil yang diharapkan untuk masa hadapan ini adalah melebihi dari insan atau anak-anak yang pandai membaca dan menulis atau *literate* dan mempunyai sijil kelayakan.

Hasil yang negara mahukan ialah tuaiannya yang berpendidikan di dalam erti kata yang meluas iaitu mempunyai ilmu, kemahiran dan kepakaran di samping kerohanian yang mapan dan nilai-nilai murni sebagai insan dan rakyat yang bertanggungjawab penuh terhadap diri, mereka sendiri, tanggungan mereka, masyarakat dan negara.

Insan yang penuh ini akan menggunakan ilmunya untuk kebaikan diri dan keluarganya, masyarakat dan negara tanah tumpah darahnya sebagai yang didahulukan atau diberikan keutamaan.

Ia tidak lupa daratan dan asal-usul. Ia tidak lari dari tanggungjawabnya. Ia tidak mengkhianati ibu bapa, mesyarakat dan negara. Ia tidak melupakan komitmen dan pelaburan rakyat dan kerajaan untuk menjadikan mereka terdidik dan berilmu. Ia sanggup berpatuh arang untuk membangun dan memajukan kedaulatan negara. "Inilah anak watan tulen yang menjunjung langit di mana ia berpijak. Ia bukan bak insan bertalam dua muka, bermuka-muka untuk mendapatkan sesuatu yang mahal dan berharga tetapi apabila sudah tercapai, ia mengalih muka dan memberikan belakang kepada negara yang mengasuh, menjaga dan melabur untuk masa hadapannya dan masa hadapan negara". Ini adalah dasar orang-orang yang tidak mempunyai pertimbangan terhadap kebertanggungjawaban atau *accountability* dan aspek-aspek kenegaraan.

Orang-orang yang betul-betul berpendidikan tidak mudah lupa atau mengabaikan tuntutan masyarakat dan negara ke atas diri mereka.

Abis kita semua dikenali sebagai *scholars* sebab abis kita merupakan di antara yang terpilih menerima scholarship biasiswa kerajaan. Abis kita terpilih disebabkan kejayaan abis kita didalam pelajaran. Kejayaan ini berterusan membawa kepada kejayaan-kejayaan lain termasuk akhirnya mendapat kelulusan-kelulusan yang diiktiraf.

Di dalam tempoh bertahun-tahun menimba ilmu ini, sebagai *scholar* Kerajaan kemudahan-kemudahan kewangan dan yang lain diberikan dengan jajaan yang penuh rapi.

Di dalam situasi yang serba ada ditanggung oleh kerajaan ini, ada di antara scholar-scholar kita yang lekas lupa daratan kerana tidak terdedah kepada pengalaman perit dan jerih untuk mendapatkan kewangan sendiri sehingga bersikap acuh tidak acuh dan *taking things for granted*.

Di dalam situasi seperti ini, scholar-scholar kehilangan rasa penghargaan terhadap beban dan pelaburan kerajaan. Ia lalai dilanda kesenangan dan kemewahan tanpa pertimbangan wajar mengenai haknya dan hak kerajaan terhadapnya. Baginya perjanjian yang ditandatangani adalah tanggungjawab penjamin semata-mata. Beban yang ditanggung oleh penjamin adalah di luar pertimbangannya.

Kewaspadaan perlu ada dan di dalam hal ini kerajaan berhati-hati didalam memilih *scholar* supaya seboleh-bolehnya mengelakkan calon yang besar kemungkinan mempunyai pemikiran sempit atau *insular*, mementingkan dirinya lebih dari yang lain atau *self-centered* tidak mengenang jasa atau *ungrateful*, sombong atau *arrogant* dan yang terlalu materialistik.

Akhirnya, mari kita sama-sama mengimbas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam yang berada di United Kingdom (UK) dan Ireland Utara pada 29 Disember 2013. Antara



TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned semasa berucap pada Majlis Penyampaian Sijil Peserta Perkampungan Sivik Mahasiswa Seberang Laut 2014 pada hari Khamis, 21 Rabiulawal 1435 Hijriah bersamaan 23 Januari 2014 Masihi, bertempat di Dewan Serbaguna Taman Rekreasi Hutan Simpan Berakas.

lain baginda bertitah :

"Tidak syak lagi, negara sangatlah memerlukan rakyatnya yang berpendidikan. Malah bukan setakat berpendidikan, bahkan juga memiliki kepimpinan dan etika yang tinggi. Inilah objektif kerajaan dalam menghasilkan sumber tenaga manusia untuk negara."

Baginda seterusnya bertitah dalam seterusnya bertitah dalam acara yang sama harapan Baginda :

"Beta juga mengharapkan supaya pelajar-pelajar tidak akan melupakan tujuan mereka untuk belajar, bukan untuk yang lain-lain. Janganlah cepat-cepat hilang punca jika berhadapan dengan keadaan-keadaan tertentu seperti misalnya, ada kadang-kadang anasir jahat yang ingin mempengaruhi pelajar-pelajar, sama ada ia berupa fahaman keagamaan atau ideologi-ideologi yang tidak diinginkan."

Titah baginda ini adalah melebihi dari peringatannya. Ia adalah pengajaran dan nasihat kepada kita semua dan para pelajar supaya tidak lupa kepada tanggungjawab terhadap negara.

Ini lebih-lebih lagi kepada anak-anak muda yang tidak syak mempunyai kelulusan tinggi mereka ini masih hijau dari segi pengalaman dan kehidupan sebenar. Anak-anak muda kita memerlukan bimbingan dan teladan kepimpinan kita.

Negara sangat berharap kepada abis kita, jika tidak anak watan, siapa lagi yang akan mengangkat negara kita? Harapan negara terletak dibahu abis kita para pelajar muda kerana abis kita lah generasi penerus yang akan menentukan masa depan negara.

Peramba / saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua pihak didalam usaha untuk membimbing anak-anak kita ke satu arah yang menjanjikan masa hadapan negara yang lebih cerah.

Peramba / saya mendoakan semoga semua mahasiswa mencapai kejayaan cemerlang untuk bangsa Brunei dan Negara Brunei Darussalam.

Dari Sidang  
Pengarang.

10 FEBRUARI 2014 BERSAMAAN 1435 ربيع الآخر 10

## POTENSI SEKTOR MARIN MEMPELBAGAIKAN EKONOMI NEGARA

**K**ERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun berusaha ke arah mempelbagaikan sektor ekonomi negara dengan tidak hanya memfokuskan sektor utama negara iaitu minyak dan gas semata-mata. Salah satu sektor yang dikenal pasti ialah sektor marin yang juga sebagai satu bidang yang berpotensi bagi kepelbagaian ekonomi negara.

Sekarang sektor marin menunjukkan bahawa lebih 2,000 peluang pekerjaan di dalamnya, yang mana menyediakan perkhidmatan kepada industri minyak dan gas dan cuma 10 peratus bagi sumber tenaga manusia yang telah diisi oleh anak-anak tempatan juga sebagai pertanda baik dalam segi mengurangkan isu pengangguran.

Tujuan utama dengan kewujudan sektor ini ialah bagi mengembangkan lagi dan meningkatkan kegiatan-kegiatan luar pantai, keduanya memberikan khidmat pada hasil yang ada sekarang dan bagi eksplorasi air dalam di masa akan datang. Sebagai contohnya di dalam salah satu usaha Jabatan Laut yang telah melaksanakan proses bagi merancang Pelan Induk Maritim Brunei yang merangkumi kajian kebolehlaksanaan dan penilaian impak alam sekitar pada beberapa projek di bawah Pelan Induk Maritim Brunei tersebut.

Maklumat semasa mengenai kewujudan Brunei Marine Academy (BMA) adalah bagi menyediakan industri yang tersedia bagi anak Brunei sebagai 'maritime' yang profesional dan pelaut yang diakui dan dikenali oleh Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO) bagi membantu meningkatkan keperluan yang diwujudkan dengan pertumbuhan dan inisiatif-inisiatif baru dalam sektor 'maritime' tempatan dan antarabangsa.

Oleh kerana itu semua agensi kerajaan yang relevan perlu bekerjasama dengan industri marin bagi menyelaraskan keperluan dan kehendaknya untuk mencapai hasrat nasional dalam pertumbuhan sektor marin tempatan.

Sementara itu kewujudan BMA akan dibantu oleh Akademi Maritim Singapura (SMA) bagi menawarkan pelbagai tempatan asas kecukupan latihan bagi industri maritim tempatan secara meluas.

Setelah termeterainya perjanjian tersebut maka tempoh selama 30 bulan itu yang bermula Februari ini SMA dan BMA akan bekerjasama rapat antara lain melalui perkhidmatan konsultasi dan sesi latihan seperti memberikan latihan dari tahap II hingga IV iaitu bagi mewujudkan dan meningkatkan tahap latihan II hingga IV di BMA yang akan membolehkan penganugerahan Sijil Kecukupan Kelas 5 bagi pegawai-pegawai 'Engineering Watch Deep Sea Voyage' dan Kelas 3 bagi pegawai-pegawai 'Navigation Watch Deep Sea Voyage' yang antaranya memajukan kurikulum, bahan pengajaran dan sumber-sumber keperluan latihan yang lain. Antara lain termasuk dalam latihan ialah keselamatan asas pekerjaan dan program latihan keselamatan, program kedudukan dek, program kedudukan jentera, program bagi pegawai-pegawai bagi 'Engineering Watch Near Coastal Voyage', 'Engineering Watch Deep Sea Voyage Conversion', 'Navigation Watch Near Coastal Voyage' dan 'Navigation Watch Deep Sea Voyage Conversion'.

Kesemua latihan ini adalah sebahagian usaha Kementerian Pendidikan dan Kementerian Perhubungan dalam mengenal pasti bagi mewujudkan BMA yang boleh menyediakan 'maritime' yang profesional dalam sektor marin.

Maka sektor marin perlu diterokai dengan lebih giat dan kandungan di dalamnya adalah berpotensi dalam mempelbagaikan ekonomi negara. Kerana itu semua agensi yang berkepentingan adalah perlu bekerjasama dan mendukung usaha kerajaan bagi melaksana dan merealisasikan sektor marin sebagai salah satu penyumbang ekonomi negara. - **Ketua Penyuntingan.** (Tr)

Ramalan Cuaca Tiga Hari		
ISNIN	SELASA	RABU
BANDAR SERI BEGAWAN		
29°C	25°C	24°C
31°C	25°C	26°C
BUARA		
31°C	25°C	26°C
31°C	25°C	26°C
PEKAN BANGAR		
30°C	24°C	23°C
30°C	24°C	23°C
PEKAN TUTONG		
31°C	23°C	24°C
31°C	23°C	24°C
PEKAN SERIA		
31°C	24°C	24°C
31°C	24°C	24°C
KUALA BELAIT		
31°C	24°C	24°C
31°C	24°C	24°C
Wahaiwan Bessawab		

Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam  
Jabatan Penerangan Awam  
Telefon : 2330142 sambungan 1388/1551 atau Talian Cuaca : 114

## SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

### Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,  
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,  
Norliah Md. Zain,  
Hezlinawati Haji Abdul Karim,  
Haji Aliddin Haji Moktal,  
Ak. Jeffery Pg. Durahman,  
Haniza Abdul Latif,  
Abdullah Asgar,  
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,  
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,  
Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman,  
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim,  
Rohani Haji Abdul Hamid,  
Nooratini Haji Abas,  
Khartini Hamir,  
Saerah Haji Abdul Ghani,  
Aimi Sani,  
Noraisah Muhammed,  
Aryentyy Haji Arifin

### Ketua Penyuntingan

Ali Termizzi Haji Ramlli / Haji Ramli,  
Hajah Zabaidah Haji Salat,  
Samle Haji Jait

### Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,  
Haji Besar Haji Mamit,  
Hajah Norliha Haji Salleh,  
Ramlah Md. Nor,  
Nurul Hazwanis Abu Omar,  
Siti Faizahwanis Awang Mahani,  
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

### Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,  
Jurainah Haji Jait,  
Nornasyirah Nordin

### Penyuntingan

Haji Sahari Akim,  
Pg. Haji Waliyuddin Pg. Haji Ahmad,  
Siti Muslihat Haji Salleh,  
Bolhassan Haji Abu Bakar,  
Zawiyatun Ni'mah Mohd. Akir

### Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

### Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafar,  
Haji Ahmad Haji Salim,  
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,  
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,  
Mohammad bin Kahar,  
Wan Mohamad Sahrnan Wan Ahmadi,  
Hajah Raini Haji Bidin,  
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail

AMBULANS  
991

POLIS  
993

BOMBA  
995

PENYELAMAT  
998

PUSAT PEMEDULIAN PELANGGAN  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
140

ELEKTRIK  
144

NDMC  
2380214

# KKBS, ahli MMN bincang tindakan isu-isu 2013



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Azmah Haji Ahad

teras yang berkaitan dengan tanggungjawab Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), satu sesi Muzakarah Bersama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) diadakan di Dewan Persidangan, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Antara perkara teras dibincangkan termasuklah kebudayaan, kebelaian, kesukanan serta kebajikan, kesejahteraan dan status terkini ke atas tindakan yang telah diambil ke atas isu-isu yang dibangkitkan dalam Sesi Persidangan MMN tahun lalu.

Muzakarah juga telah mengongsikan maklumat mengenai pelaksanaan - pelaksanaan perkhidmatan dan inisiatif Kementerian dan jabatan di bawahnya mahupun perancangan pihak Kementerian tersebut sepanjang tahun yang dihasratkan untuk mendapatkan maklumat dan status terkini dengan isu-isu yang telah dibangkitkan tahun lepas.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja

Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, selaku Pengerusi Majlis pada sesi muzakarah ini menjelaskan mengenai peranan Kementerian dan jabatan di bawahnya termasuk program pembangunan belia serta program belia perkasa.

Menurut Yang Berhormat, pihak Kementerian telah mengendalikan

beberapa program khusus untuk pembangunan belia serta mengurangkan pergantungan kepada pihak kerajaan semata-mata.

Juga hadir ialah Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka

Haji Awang Umar.

Hadir sama ialah Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman; Jurutulis II (Kedua) kepada MMN, Dato Paduka Awang Haji Abd. Salam bin Abd. Momin, Setiausaha-Setiausaha Tetap dan juga Ahli-ahli MMN.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan menyertai sesi bergambar ramai bersama Ahli-ahli MMN sempena sesi Muzakarah yang berlangsung di Dewan Persidangan, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

MENTERI Kebudayaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah semasa mempengerusikan sesi muzakarah bersama ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Februari. - Dalam usaha untuk mengongsikan perkara-perkara

# Perancangan kewangan jamin masa depan



PEGAWAI-PEGAWAI dan kakitangan kerajaan kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika mendengarkan ceramah mengenai perancangan kewangan di Institut Perkhidmatan Awam.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Februari. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), melalui

Unit Pengurusan Pengayaannya (Wealth Management Unit - WMU), menyampaikan dua ceramah umum

Berita dan Foto : Ihsan Komunikasi Korporat BIBD

mengenai perancangan kewangan dalam usaha bank berkenaan menimbulkan kesedaran dan pemahaman serta penekanan terhadap pentingnya literasi kewangan dalam kalangan orang awam.

Antara tujuan ceramah tersebut ialah untuk memberikan sokongan terhadap peranan BIBD sebagai sebuah institusi kewangan tempatan yang bertanggungjawab bagi membantu pemikiran orang awam ke arah amalan-amalan perancangan kewangan yang lebih berhemah dan teratur.

Ceramah yang diadakan di sebelah pagi dan petang itu melibatkan kira-kira 150 pegawai dan kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai sebahagian

daripada kursus induksi mereka yang diadakan di dua lokasi yang berasingan iaitu di Institut Perkhidmatan Awam dan di Dewan Amar Pahlawan Kementerian Perhubungan.

Ini merupakan kali pertama tahun ini BIBD diundang untuk menyampaikan ceramah pada kursus induksi mengenai faedah perancangan kewangan.

Ceramah perancangan kewangan berkenaan disampaikan oleh Konsultan Kewangan dan Perancang Kewangan Islam Yang Berkelayakan, Dayang Hajah Isnora binti Minudin yang juga selaku Pengurus WMU.

Dalam ceramahnya antara lain menekankan pentingnya faedah pengurusan kewangan di peringkat awal dalam jangka waktu yang panjang.

Menurutnya dengan membuat

keputusan pengurusan kewangan melalui pelbagai cara yang diperkenalkan, seseorang boleh mencapai jaminan keselamatan kewangan.

Pada ceramah tersebut para peserta juga diberikan taklimat mengenai pelbagai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh BIBD.

Perancangan kewangan sangat penting sebagai persiapan masa depan, di samping membantu dalam mencapai jaminan kewangan semua orang yang tentunya akan memberikan ketenangan fikiran terhadap situasi kewangan masing-masing.

Ceramah diharapkan dapat membantu para pegawai dan kakitangan kerajaan mengamalkan amalan-amalan pengurusan kewangan termasuk pengurusan belanjawan bersama dengan simpanan tambahan dan teknik-teknik pelaburan, yang akan menambah simpanan kewangan masing-masing.

Orang ramai yang ingin mengetahui lebih lanjut mengenai WMU bolehlah melayari [wmu@bibd.com.bn](mailto:wmu@bibd.com.bn).

# Implikasi buruk rasuah kepada negara



Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Februari. - Rasuah boleh berlaku dalam kalangan golongan atau kedudukan dalam pelbagai lapisan masyarakat, dan perbuatan tersebut boleh mengheret individu atau masyarakat, bangsa dan negara kepada bencana keruntuhan yang disebabkan oleh sifat tamak, kerakusan dan kepentingan diri sendiri.

Ketua Penyiasat Khas, Ketua Unit Perhubungan Masyarakat, Biro Mencegah Rasuah (BMR), Awang Ahmad bin Haji Abd. Kahar juga selaku Ketua Bahagian Pendidikan, Divisyen Integriti berkata rasuah bukan sahaja haram di sisi agama Islam malah boleh menimbulkan kesan serta implikasi yang buruk kepada ekonomi, politik, sosial, budaya dan negara.

Menegaskan demikian dalam temu bual bersama wakil PELITA BRUNEI pada Taklimat Pencegahan Rasuah Bagi Pegawai dan Kakitangan Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan.

Katanya, Taklimat Pencegahan Rasuah Bagi Pegawai dan Kakitangan Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan adalah untuk memupuk kesedaran dalam kalangan pegawai dan kakitangan kerajaan di samping pihak swasta dan persatuan-persatuan di negara ini mengenai pencegahan rasuah dengan memberikan taklimat berhubung dengan kesalahan-kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131.

"Ia juga bertujuan untuk meningkatkan lagi integriti dalam menekankan kepentingan dalam kalangan pegawai dan kakitangan

kerja untuk sentiasa mematuhi peraturan-peraturan dan undang-undang Negara Brunei Darussalam," jelasnya ketika ditemubual PELITA BRUNEI, di Block B15, Kampung Anggerek Desa, Berakas, di sini

Pada taklimat tersebut beliau juga menyentuh mengenai kepentingan integriti dan bahaya rasuah serta implikasinya terhadap individu, keluarga dan masyarakat, selain turut menyetujui beberapa perkara yang berkaitan dengan rasuah antaranya istilah-istilah rasuah, kesan serta sebab akibat melakukan perbuatan rasuah itu.

Taklimat yang dihadiri oleh seramai 30 orang pegawai dan kakitangan jabatan berkenaan turut diselitkan beberapa tayangan klip-klip video mengenai risiko bahaya rasuahan juga diadakan sesi soal jawab dalam kalangan para peserta yang menghadiri taklimat

berkenaan untuk berbincang dan bertukar-tukar pendapat mengenai integriti dan rasuah.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat mengambil berat dalam memastikan jenayah rasuah dalam apa jua bentuk dibanteras dengan setegas-tegasnya sama ada dalam berurusan dengan Perkhidmatan Awam dan urusan-urusan perdagangan di dalam sektor swasta.

Oleh yang demikian, kerajaan terutama sekali pihak BMR dengan visi dan misinya berperanan serius untuk mendidik serta memupuk kesedaran orang awam mengenai bahaya dan risiko rasuah dalam kalangan semua lapisan masyarakat, selain untuk sentiasa menjadi agensi utama dalam menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara bebas dari rasuah.

## Sesi Muzakarah Kementerian Pembangunan Bersama Ahli-Ahli MMN



SESI bergambar ramai Yang Berhormat Menteri Pembangunan bersama Ahli-ahli MMN.

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 5 Februari. - Kementerian Pembangunan yang mengadakan Sesi Muzakarah Bersama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) telah mengongsikan maklumat mengenai perkara-perkara berkaitan perkhidmatan-perkhidmatan serta inisiatif-inisiatif yang telah dijalankan mahupun dalam perancangan

kementerian berkenaan.

Sesi Muzakarah dihasratkan sebagai tindakan susulan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan pada Sesi Persidangan MMN pada tahun lepas.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman hadir

mempengerusikan Sesi Muzakarah yang berlangsung di Dewan Bertabur, di kementerian berkenaan.

Juga hadir ialah Jurutulis II (Kedua) kepada MMN, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abd. Salam bin Abd. Momin dan juga Ahli-ahli MMN.

Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional) Kementerian Pembangunan, Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar dalam taklimatnya antara lain menyentuh mengenai projek-projek jambatan

Temburong dan Sungai Kebun, rangkaian infrastruktur di Negara Brunei Darussalam khususnya jalan raya, saluran, pembedungan dan bekalan air.

Sementara itu Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Pembangunan, Awang Haji Muhammad Lutfi bin Abdullah pula menjelaskan mengenai Surat Kuasa Wakil (Power of Attorney - PA) dan Surat Ikatan Amanah (Trust Deed - TD), Tanah Tumpang Sementara dan Rancangan Perumahan Negara.

Sesi Muzakarah yang juga dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai serta kakitangan Kementerian Pembangunan harap akan dapat dijadikan sebagai salah satu lagi wadah atau landasan bagi membincangkan perkara-perkara bagi melibatkan kepentingan rakyat, selain perbincangan semasa Sesi Persidangan MMN.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa hadir bagi mempengerusikan Sesi Muzakarah Bersama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN).

## Menteri Hal Ehwal Ugama bertukar pendapat bersama Pengerusi Majlis Ash-Shoura



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman semasa mengadakan perjumpaan dua hala bersama Pengerusi Majlis Ash-Shoura, Tuan Yang Terutama Dr. Sheikh Abdullah bin Muhammad Ibrahim Al-Sheikh di Bangunan Majlis Ash-Shoura, Riyadh, Kerajaan Arab Saudi.

**RIYADH, KERAJAAN ARAB SAUDI,** Ahad, 9 Februari. - Rombongan Negara Brunei Darussalam yang diketuai oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman memulakan lawatan kerja di Riyadh, Kerajaan Arab Saudi dengan mengadakan perjumpaan dua hala bersama Pengerusi Majlis Ash-Shoura, Tuan Yang Terutama Dr. Sheikh Abdullah bin Muhammad Ibrahim Al-Sheikh di Bangunan Majlis Ash-Shoura, di sini.

Pada perjumpaan itu, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Tuan Yang Terutama Pengerusi Majlis Ash-Shoura, membincangkan serta bertukar-tukar pendapat mengenai pembarigaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah, 2013 yang bakal dilaksanakan di Negara Brunei Darussalam nanti.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama juga bertukar-tukar cenderahati kenang-kenangan dengan TYT.

TYT sebelum ini pernah menjawat jawatan Menteri Keadilan pada bulan Februari 1992 hingga Februari 2009, dan mula menyandang jawatan sekarang pada tahun 2009.

Di samping itu, TYT juga merupakan salah seorang ahli Majlis Ulama Kanan, Ahli Majlis

Laporan dan Foto : Pg. Haji Waliyuddin Pg. Haji Ahmad dari Riyadh, Kerajaan Arab Saudi

Tertinggi bagi Hal Ehwal Islam, Naib Pengetua Pejabat Eksekutif Majlis Menteri-Menteri Keadilan, Ahli Organisasi Albr Riyadh, Pengetua Lembaga Pengarah Majalah Islam Al-Dakwah serta Ahli Lembaga Pengarah Persatuan Kanak-Kanak Kurang Upaya.

Hadir bagi mengiringi Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama serta rombongan ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam di Riyadh, Kerajaan Arab Saudi, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Daud.

Turut serta dalam rombongan itu ialah Ahli Majlis Ugama Islam (MUI), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar; Ketua Hakim Negara dan Ahli MUI, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Awang Haji Kifrawi bin Dato Paduka Haji Kifli; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin

Juned; Timbalan Mufti Kerajaan dan Ahli MUI, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin; Hakim Mahkamah Rayuan Syariah dan Ahli MUI, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar; Setiausaha Tetap JPM, Awang Yahya bin Haji Idris; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharajalela Haji Yussof; Penolong Peguamcara Negara, Awang Haji Mohd. Yusree bin Haji Junaidi, selaku wakil Peguam Negara; Ketua Pendakwa Syarie, Awang Haji Johar bin Mohammad dan Pemangku Ketua Pendaftar, Mahkamah Rayuan Syariah, Awang Haji Hassan bin Haji Metali.

Rombongan berada di Riyadh, Kerajaan Arab Saudi adalah bagi mengadakan lawatan kerja selama lima hari yang antara lainnya bertujuan untuk melihat secara lebih dekat lagi akan cara-cara pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Syar'iah di Kerajaan Arab Saudi.

## Mangsa banjir, tanah susur terima sumbangan derma

Berita dan Foto : Aryentty Haji Ariffin

**TUTONG,** Rabu, 5 Februari. - Mangsa-mangsa banjir dan tanah susur di Daerah Tutong terus menerima sumbangan derma daripada pelbagai pihak di negara ini. Seramai 22 orang penderma daripada pihak swasta, persatuan dan juga orang-orang persendirian di Daerah Tutong serta di luar negara telah memberikan sumbangan derma berkenaan.

Sehubungan dengan itu, Majlis Penyampaian Derma Kepada Para Mangsa Banjir dan Tanah Susur di Daerah Tutong diadakan di Pos Perintah Insiden (ICP), Balai Bomba Lamunin, Tutong.

Pegawai Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Tutong (DDMC) bagi menerima sumbangan-sumbangan derma berkenaan.

Pada majlis berkenaan Pegawai Daerah Tutong dan para jemputan juga berkesempatan untuk menyaksikan koleksi gambar-gambar kejadian banjir yang berlaku di sekitar Mukim Tanjong Maya, Mukim Rambai, Mukim Ukong dan Mukim Lamunin yang telah menjejaskan lebih 900 buah rumah dan memutuskan perhubungan jalan-jalan raya.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ahli-ahli Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Tutong, penghulu-penghulu mukim serta ketua-ketua kampung Daerah Tutong.



PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali semasa bergambar ramai bersama para penderma berkenaan.

# Makmurkan masjid dengan pelbagai program



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar berucapa pada Majlis Penutup Seminar Kecemerlangan Pegawai-Pegawai Masjid.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Februari. - Masjid memainkan peranan penting di dalam perkembangan kehidupan umat Islam. Untuk menjadikan masjid itu sebagai pusat pembangunan ummah yang unggul, ianya perlulah dimakmurkan dan diisikan dengan berbagai-bagai program yang boleh menjadi daya penarik kepada para jemaah dan orang ramai untuk sentiasa berkunjung ke masjid.

Perkara tersebut diungkapkan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar

pada Majlis Penutup Seminar Kecemerlangan Pegawai-Pegawai Masjid yang berlangsung di Goldstone Ballroom, The Centrepoint Hotel, Gadong, di sini.

Menurut Yang Mulia, daya tarikan itu tidak hanya bergantung kepada prasarana masjid yang indah dan canggih semata-mata, akan tetapi perlu juga kepada urus tadbir yang efisien dan dinamik yang lahir daripada sumber tenaga yang profesional.

"Profesion seorang pegawai masjid adalah dipandang mulia dan dihormati oleh masyarakat, di samping menjadi imam di dalam mendirikan sembah-

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

yang lima waktu, merekalah juga sebagai pemimpin dan tempat rujukan masyarakat," jelasnya dalam seminar yang bertemakan 'Ke arah Mempertingkatkan Profesionalisme'.

Oleh itu, seorang pegawai masjid katanya, perlu bersedia dan mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang mencukupi sama ada ianya ilmu pengetahuan agama ataupun ilmu pengetahuan semasa.

"Para pegawai masjid hendaklah sentiasa berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan dari semasa ke semasa, di samping meningkatkan jati diri mereka ke arah yang lebih produktif, kreatif dan inovatif," tambahnya.

Dengan adanya seminar tersebut, Yang Mulia seterusnya berharap, para pegawai masjid akan dapat membuka minda dan menambah ilmu pengetahuan dalam hal ehwal pengurusan masjid, pentakmiran masjid, pemeliharaan prasarana masjid dan sebagainya melalui perkongsian maklumat yang diperolehi daripada pembentangan kertas kerja daripada dalam dan luar negara.

Ini terangnya, institusi masjid adalah tempat yang dekat dihati setiap orang Islam. Apa jua perkara yang berlaku yang bersangkutan dengan masjid akan mendapat perhatian masyarakat mengenainya.

"Sebagai contoh kejadian yang

berlaku baru-baru ini, di mana kejadian menceroboh dan merosakkan harta benda masjid, memecahkan tabung-tabung masjid dan berlakunya kecurian di masjid merupakan antara kejadian yang mengganggu dan membimbangkan kita semua."

"Ini memerlukan untuk kita semua memikirkan langkah dan pelaksanaan yang terbaik dalam menanganinya, di samping menilai semula terutamanya Jabatan Hal Ehwal Masjid melaksanakan pengurusan di masjid-masjid, pengendalian

pentakmiran masjid, pengajian ilmu-ilmu di masjid-masjid, pemeliharaan bangunan masjid dan sebagainya," tegas Yang Mulia.

Katanya, ianya bertujuan supaya pengurusan perkara-perkara tersebut diperbaiki, dikemaskini dan dipertingkatkan lagi bagi memenuhi permintaan orang ramai yang semakin meningkat terhadap kesempurnaan pelaksanaan perkara-perkara tersebut.

Melalui seminar ini, jelas Yang Mulia, akan menjadi satu landasan kepada kita di dalam sama-sama meningkatkan kecemerlangan institusi masjid dan meningkatkan profesionalisme pegawai-pegawai masjid di Negara Brunei Darussalam khasnya dan di rantau ini amnya.

## Permohonan pengurniaan tambang haji dibuka sehingga 20 April

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Februari. - Jabatan Urusan Haji memaklumkan kepada Pegawai dan Kakitangan Kerajaan sama ada yang sedang berkhidmat dan yang telah bersara bahawa tarikh tutup menghadapkan permohonan untuk mendapatkan pengurniaan tambang bagi menunaikan fardhu haji bagi musim haji tahun 1435 Hijriah bersamaan 2014 Masihi tidak lewat dari 20 April 2014.

Permohonan tersebut hendaklah dihadapkan ke Jabatan Urusan Haji melalui Ketua Jabatan masing-masing sebelum tarikh tersebut.

# Sifat mahmudah perlu dimiliki Pegawai Masjid

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Februari. - Penjawat jawatan Pegawai Masjid atau Imam hendaklah dimulikan menurut profesion perkhidmatan dan undang-undang iaitu sebagai pemimpin ugama, dengan gelaran yang diberikan seperti Datu Imam, Siraja Khatib, Tuan Imam, Udana Khatib, Khatib, Mudim, Imam, Bilal dan Pegawai Masjid.

Perkara itu dinyatakan oleh

Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri ketika membentangkan resolusi pada Majlis Penutup Seminar Kecemerlangan Pegawai-Pegawai Masjid yang berlangsung di Goldstone Ballroom, The Centrepoint Hotel, Gadong, di sini.

Syaksiah seorang pegawai masjid atau imam itu menurutnya, hendaklah

menjaga hubungan baik dengan Allah Subhanahu Wata'ala dan hubungan baik dengan manusia seterusnya menunjukkan keperibadian yang tinggi dan terpuji sehingga melahirkan sifat-sifat mahmudah yang diredhai Allah Subhanahu Wata'ala.

Beliau menambah bahawa masjid juga hendaklah menjadi tempat penyebaran ilmu pengetahuan yang benar lagi sahih sehingga tidak timbul didalamnya keraguan, penyelewengan dan perkara-perkara yang menyatkan terutama dalam menceduk ilmu-ilmu agama.

"Pegawai-pegawai masjid dan ahli jawatankuasa takmir masjid hendaklah sentiasa bekerjasama dalam pengisian-pengisian, kuliah, ceramah, forum, halaqah dan sebagainya mengikut perspektif Islam," ujarnya.

Sementara itu, pentakmiran masjid-masjid pula hendaklah menjurus kepada semua lapisan masyarakat dan setiap aktiviti itu hendaklah menyasarkan peringkat golongan yang dikehendaki mengikut aktiviti yang munasabah.

"Bagi mengelakkan kes kecurian di masjid-masjid boleh ditangani dengan meningkatkan kewaspadaan pegawai-pegawai masjid dan pemedulian jemaah masjid melalui tindakan-tindakan yang munasabah seperti



PENYERAHAN Resolusi diadakan pada Majlis Penutup Seminar Kecemerlangan Pegawai-Pegawai Masjid.

menjadikan penjagaan malam dan perlu menyediakan pemasangan CCTV di bangunan masjid mengikut keutamaan," jelasnya.

Manakala modul kursus tegasnya, wajib perlu diperkemaskini bagi menjurus kepada kecemerlangan yang merangkumi lima aspek iaitu kursus pengurusan jenazah, pentadbiran masjid, pengurusan kewangan masjid, profesionalisme imam dan kaedah penyampaian khutbah.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis penutup seminar tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Seramai 260 orang terdiri daripada pegawai hal ehwal masjid, imam dan bilal seluruh negara, wakil peserta dari Kementerian Pertahanan dan Pasukan

Polis Diraja Brunei serta perwakilan daripada anggota-anggota MABIMS (Malaysia, Republik Indonesia dan Republik Singapura) dan perwakilan FORSIMAS (Forum Seminar Kemakmuran Masjid Serantau) menyertai seminar berkenaan.

Seminar bertemakan 'Ke arah Mempertingkatkan Profesionalisme' yang diadakan selama dua hari bermula 4 Februari 2014 itu, antara lain bertujuan untuk meningkatkan kredibiliti para pegawai masjid dalam pengurusan masjid dari segi 'idarrah', 'imarrah' dan 'riayah', di samping meningkatkan kualiti para pegawai masjid tersebut dari segi 'aqwal' dan 'af' aal'.

Terdahulu sebelum majlis penutup itu diadakan, tetamu kehormat juga membentangkan satu kertas kerja yang bertajuk 'Melahirkan Imam Mu'allim'.

UCAPAN oleh Pengerusi di Majlis Penutup Seminar Kecemerlangan Pegawai-Pegawai Masjid.

**"PEGAWAI-PEGAWAI masjid dan ahli jawatankuasa takmir masjid hendaklah sentiasa bekerjasama dalam pengisian-pengisian, kuliah, ceramah, forum, halaqah dan sebagainya mengikut perspektif Islam," ujarnya.**

# Tingkatkan pengetahuan Islam



KETUA Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah Cawangan Daerah Temburong, Awang Haji Ahmad Lufti bin Haji Idris semasa menyampaikan sijil dan cenderahati kepada salah seorang peserta Kursus Skim Bimbingan Asas Saudara-Saudara Baru Siri Ke-177 (Lelaki).

## SHBIE eratkan hubungan para pendidik



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

'Reconnect and Reflect', bertempat di Dewan Senate, Universiti Brunei Darussalam, di sini.

Ahli fakulti SHBIE, Profesor Keith Wood dalam ceramahnya antara lain menerangkan mengenai dengan Psychoeconomics di Sekolah Tinggi (Psychoeconomics in the High School) yang menggariskan beberapa wawasan kepada pelajar mengenai pengalaman mereka.

Syarahan bulanan bertujuan untuk menyediakan platform kepada ahli akademik dan pendidik untuk membincangkan isu-isu semasa dalam pendidikan dan penyelidikan.

Selain itu, ia juga sebagai pengantara bagi memastikan perikatan yang lebih kukuh antara ahli akademik SHBIE dan para pendidik di negara ini.

SHBIE bukan sahaja pengeluar utama guru-guru yang berkualiti tinggi di negara ini tetapi juga merupakan pusat bagi penyelidikan yang menghasilkan idea-idea inovatif untuk pengajaran dan pembelajaran.

Ceramah ini menerangkan mengenai inspirasi kepada masyarakat pendidik di negara ini untuk mewujudkan peluang dialog akademik mengenai trend semasa dalam pendidikan.

CERAMAH pertama dalam Siri Ceramah Bulanan Institut Pendidikan Sultan Hassanah Bolkiah disampaikan oleh Professor Keith Wood dengan tajuk 'Psychoeconomics in the High School'.

TUNGKU, Rabu, 5 Februari. - Insititut Pendidikan Sultan Hassanah Bolkiah (SHBIE) Fakulti Sosial dan Kebajikan, melancarkan siri syarahan bulanan yang pertama yang bertemakan



SEBAHAGIAN daripada pendidik dan ahli akademik yang hadir pada Majlis Sesi Ceramah Bulanan yang diadakan di Senate Room, Chancellor Hall, Universiti Brunei Darussalam.

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Rabu, 5 Februari. - Peserta Kursus Skim Bimbingan Asas Saudara-Saudara Baru Siri Ke-177 (Lelaki) membantu meningkatkan dan mendalami pengetahuan mengenai ajaran agama Islam.

Seramai lapan peserta yang menamatkan kursus berkenaan telah menerima sijil kursus berkenaan pada majlis yang diadakan di Pejabat Unit Dakwah Daerah Temburong, Pekan Bangar, di sini.

Ketua Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Cawangan Daerah Temburong, Awang Haji Ahmad Lufti bin Haji Idris menyempurnakan penyampaian sijil berkenaan.

Pemangku Ketua Unit Dakwah Daerah Temburong, Awang Mohammad Fadzil bin Mohd Kassim melahirkan rasa berpuas hati dengan pencapaian yang diperolehi oleh saudara-saudara yang menyertai kursus berkenaan.

Beliau menyarankan kepada para peserta kursus agar mengguna pakai dan mempraktikkan ilmu yang diperolehi di sepanjang kursus diadakan dan

seterusnya akan dapat menjadi contoh kepada saudara-saudara mereka atau masyarakat lainnya yang belum beragama Islam.

Dalam hal mempertingkatkan kebolehan membaca Al-Qur'an pula, Awang Mohammad Fadzil menyarankan agar saudara-saudara baru belajar Al-Qur'an di balai-balai ibadat, misalnya di Balai Ibadat Kampung Sibut yang menganjurkan Kelas Bimbingan Iqra.

Katanya, peluang untuk meningkatkan pengetahuan tentang Islam di kalangan saudara-saudara baru juga sentiasa terbuka luas terutamanya melalui Pusat Dakwah Islamiah (PDI) yang sering kali mengadakan program-program pembelajaran untuk saudara-saudara baru.

Kursus dikendalikan oleh PDI melalui Unit Dakwah Daerah Temburong dengan antara lain menitikberatkan pembelajaran dari segi solat dan Al-Qur'an (Iqra), akhlak Islam, kebersihan, di samping kursus fardhu kifayah yang menyentuh tentang tatacara menyempurnakan jenazah yang lebih sempurna, di samping hal-hal tentang kefahaman keluarga Islam.

## Undang-undang syariah menjamin kemakmuran



Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

dijelaskan mengenai keunggulan dan kepentingan undang-undang syariah dalam menjamin kemakmuran, kemandirian dan keperpaduan dalam kehidupan seharian.

Ianya juga dijelaskan tentang keadilan dan kesejahteraan sebagai antara prinsip yang menjadi teras utama dalam sistem perundangan Islam bagi memastikan objektif maqashid syariah terlaksana dan menghindarkan segala bentuk kezaliman.

Taklimat diadakan di Sekolah Al-Falaah Sungai Akar dan dikendalikan oleh beberapa pegawai kanan dari Unit Perundangan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jabatan Peguam Negara dan Jabatan Mufti Kerajaan.

Tujuan taklimat adalah untuk menjelaskan dengan lebih terperinci lagi, peruntukan-peruntukan yang ada dalam perintah berkenaan khasnya kepada guru-guru, pelajar dan kakitangan Institusi Pendidikan Formal Swasta di negara ini.

Selain itu, ia juga untuk memberikan pengetahuan mengenai Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syari'ah serta memberikan jawapan-jawapan mengenai kewahaman yang terdapat dalam perintah berkenaan.

TAKLIMAT disampaikan dan dikendalikan oleh beberapa pegawai kanan dari Unit Perundangan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jabatan Peguam Negara dan Jabatan Mufti Kerajaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Febuari. - Kira-kira 300 orang yang terdiri daripada pengetua, guru-guru, pegawai-pegawai dan kakitangan Institusi Pendidikan Formal Swasta diberikan Taklimat Mengenai Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syari'ah.

Dalam taklimat tersebut antaranya



PARA pelajar juga turut mendengar Taklimat Mengenai Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syari'ah.

# Brunei sertai Shell Eco-Marathon di Manila



PASUKAN dari Negara Brunei Darussalam yang akan mengambil bahagian di acara Shell Eco-Marathon (SEM) 2014 dalam sesi bergambar ramai sejour sebelum bertolak ke Manila.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 4 Februari. - Seramai 35 wakil Negara Brunei Darussalam yang dibahagikan

kepada lima pasukan akan mencabar 100 pasukan dari 16 buah negara di acara Shell Eco-Marathon (SEM) 2014

yang diadakan di Luneta Park, Manila bermula 6 hingga 9 Februari ini.

Hadir di Lapangan Terbang

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada para peserta tersebut ialah Timbalan Pengarah Urusan Brunei Shell Petroleum (BSP) Sendirian Berhad, Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan dan Syarikat BSP.

Sebelum berlepas ke Republik Filipina, lima pasukan terdiri daripada pelajar Universiti Brunei Darussalam (UBD), Sekolah Vokasional Sultan Bolkiah dan Pusat Latihan Mekanik melakukan pemeriksaan teknikal awal sebelum kenderaan mereka dihantar ke Manila.

Antara beberapa aspek pemeriksaan teknikal yang terlibat termasuk ujian penglihatan, ujian brek, pemeriksaan tali pinggang keselamatan, ujian kesihatan dan keselamatan yang

ditetapkan oleh pihak Shell.

Ini merupakan tahun ketiga Negara Brunei Darussalam menghantar pasukan untuk mengambil bahagian dalam SEM Asia di mana penyertaan kali pertama negara ini ialah pada tahun 2011.

Penyertaan negara bagi SEM tahun ini adalah hasil daripada kerjasama antara BSP dan Kementerian Pendidikan melalui UBD dan Jabatan Pendidikan Teknik.

Dalam edisi tahun ini, lima pasukan dari Negara Brunei Darussalam akan bersaing untuk memandu kenderaan bahan api litar tunggal sejauh 142 kilometer yang akan mendedahkan mereka kepada teknologi dan kepakaran yang digunakan oleh pelajar-pelajar dari negara-negara lain yang mengambil bahagian.

# Pemulihan jalan terjejas banjir giat dilaksanakan

BUKIT SAWAT, Selasa, 4 Februari. - Kerja-kerja fasa pertama pemulihan jalan terutama jalan kecil di kawasan pendalaman Belait yang terjejas banjir kini sedang giat dilaksanakan.

Tumpuan utama kerja-kerja pemulihan di Jalan Singap, Kampung Merangking sebagai jalan alternatif bagi penduduk kampung yang tinggal di kawasan Singap dan Laid Lakang.

Pada masa ini sekitar 300 meter di jalan tersebut telah rosak dan mengakibatkan keadaan yang becah dan sukar untuk dilalui.

Kerja-kerja fasa pertama ini dilakukan hari ini secara gotong-royong diketuai oleh Pegawai Penguasa Bomba Sungai Liang, Awang Mohd. Ali bin Hassan melibatkan agensi-agensi kerajaan dan penduduk kampung meliputi 30 anggota Bomba dan Penyelamat Daerah Belait, 25 anggota Batalion Ketiga Tentera Darat Diraja Brunei, Lumut Kem dan 10 orang penduduk kampung.

Mereka meletakkan batang-batang kayu pada atas jalan yang rosak bagi memudahkan perjalanan penduduk di jalan tersebut untuk ke rumah mereka terutama sekali yang menggunakan kenderaan kecil. Batang-batang kayu sumbangan ihsan beberapa kilang papan di sekitar kawasan sini.

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

“Dengan adanya alternatif, membaik pulih jalan ini, Insha-Allah walaupun masih berlaku banjir di Laid Lakang, jalan ini masih boleh dilalui sebagai penghubung kepada yang tinggal di kawasan sini,” kata Awang Mohd. Ali.

Menurut Awang Mohd Ali, keadaan banjir di Laid Lakang pada ketika ini sudah menurun 0.1 tetapi masih belum boleh dilalui oleh kenderaan kecil. Kawasan di Laid Lakang mempunyai dua jalan meliputi jalan 500 meter dan jalan kering 100 meter.

Sementara itu kata beliau, kawasan banjir di Sungai Mau juga sudah menurun dan boleh dilalui oleh kenderaan. Walau bagaimanapun tambah beliau, Pos Arahkan Insiden (ICP) Sungai Mau belum boleh ditutup kerana mengikut ramalan kaji cuaca, hujan akan turun berlebihan di antara 4 hingga 7 Februari ini.

Beliau menambah beberapa jalan masih lagi banjir dan tidak melibatkan kawasan rumah penduduk kampung.

Hadir menyaksikan kerja-kerja pemulihan jalan termasuk Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara bagi Daerah Belait, Yang Berhormat Awang Haji

Mohd. Shafiee bin Ahmad, Ketua Kampung Lumut I dan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusoff bin Haji Dulamin, Ketua Kampung Mumong, Komandan ICP Sungai Mau, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Lumut Kem, Jabatan Daerah Belait, Pemangku Penghulu Mukim Bukit Sawat, Pemangku Ketua Kampung Bukit Sawat, dan Pemangku Ketua Kampung Merangking serta penduduk Kampung Merangking.

Hujan yang lebat dan banjir yang melanda Daerah Belait baru-baru ini telah mengakibatkan beberapa jalan terutama sekali jalan-jalan kecil di kawasan Pendalaman Belait telah ditenggelami oleh air. Antara jalan yang terjejas banjir meliputi jalan penghubung, Jalan Laid Lakang dan Jalan Singap yang mengakibatkan penduduk yang tinggal di kawasan tersebut putus perhubungan sejak Disember tahun lalu.

Rumah penduduk yang tinggal di kawasan Singap sebanyak sembilan buah rumah sementara dua buah rumah di Laid Lakang. Semasa banjir, penduduk yang tinggal di kawasan terbabit terpaksa meletakkan

kenderaan mereka di kawasan kering seperti lereng-lereng bukit dan jauh daripada kawasan perumahan dan terpaksa berjalan kaki menuju ke kenderaan mereka.

Walaupun bagaimanapun kini beberapa kawasan banjir di Pendalaman Belait kini sudah menurun dan beberapa tempat telah dilaporkan kering dan boleh dilalui oleh kenderaan kecil.



AHLI-AHLI Majlis Mesyuarat Negara bagi Daerah Belait hadir menyaksikan kerja-kerja fasa pertama pemulihan jalan di Jalan Singap.



ANGGOTA Angkatan Bersenjata Diraja Brunei bergotong royong melaksanakan kerja-kerja fasa pertama pemulihan jalan di Jalan Singap.

# Harapan musnah berkecai



AWANG Ali bin Haji Mega, 58, pemilik rumah ketika ditemui oleh wakil PELITA BRUNEI.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 4 Februari. - Harapan untuk memperbaiki rumah kini punah setelah mendapati rumah mereka di Kampung

Setia 'B' roboh petang tadi.

Awang Ali bin Haji Mega, 58, pemilik rumah itu ketika ditemui oleh wakil PELITA BRUNEI berkata walaupun beliau baru berpindah ke darat iaitu di Perpindahan Kampung Meragang namun memandangkan keadaan rumah baru mereka agak terhad, jadi beliau berhasrat menyerahkan rumah itu kepada anaknya untuk mendiami dan memperbaiki rumah bagi meneruskan kehidupan harian mereka.

Terpancar deraihan air mata Awang Ali mengenangkan tragedi itu kerana rumah yang berusia lebih 30 tahun itu mengungkap pelbagai kenangan mereka sekeluarga dan kebanyakan barang mereka di dalamnya kini musnah dan sebahagiannya hanyut dibawa arus air.

Pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) menerima

panggilan mengenai kejadian itu sekitar jam 2:10 petang dan anggota bomba seramai lima orang dari Cawangan Operasi 'D', Balai Bomba Laut Sungai Lampai bergegas ke tempat kejadian yang diketuai oleh Penolong Pegawai Balai, Awang Haji Roslan bin Haji Bakir.

Keutamaan anggota bomba ke tempat kejadian untuk memastikan keselamatan penghuni dan alhamdulillah tiada mangsa yang terperangkap dalam rumah ranap tersebut.

Kerobohan rumah itu mungkin disebabkan struktur tanah yang mengakibatkan tiang yang semakin condong ke bawah dan ranap.

Selain JBP, Pasukan Polis dan Jabatan Daerah Brunei dan Muara juga turut ke tempat kejadian bagi memantau dan melihat situasi yang terjadi.



KEADAAN rumah Awang Ali bin Haji Mega yang roboh mungkin disebabkan struktur tanah yang mengakibatkan tiang yang semakin condong ke bawah dan ranap.

## Peserta Seminar Kecemerlangan Pegawai-Pegawai Masjid dirai



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman semasa hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Penghargaan dan Makan Malam.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 4 Februari. - Para pembentang kertas kerja serta jemputan khas yang menyertai Seminar Kecemerlangan Pegawai-Pegawai Masjid diraikan pada Majlis Penghargaan dan Makan Malam, bertempat di Season

Restaurant, Centrepoint Hotel, di sini. Seminar tersebut diungkuhkan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Negara Brunei Darussalam dengan tema 'Ke Arah Mempertingkatkan Profesionalisme'.

## Tingkatkan interaksi sosial pelajar Pusat Ehsan



PELAJAR-PELAJAR khas Pusat Ehsan Al Ameerah Al Hajjah Maryam dalam sesi bergambar ramai di tempat permainan, Westpark Kiddieland, Gadong.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 4 Februari. - Pelajar-pelajar khas Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam akan terus didedahkan dengan pengalaman pembelajaran yang berbeza-beza di luar pusat berkenaan dalam usaha membantu mereka memahami dunia di sekelilingnya.

Sehubungan itu, seramai 40 pelajar kelas awal, pertengahan dan atas bersama kakitangan Pusat Ehsan dan ibu bapa serta penjaga masing-masing pagi ini dibawa berkunjung ke tempat permainan di Westpark Kiddieland, Gadong, di sini.

Lawatan itu membolehkan golongan muda kanak-kanak berkeperluan khas ini memperbaiki keseimbangan dan penyelarasan mereka dalam meningkatkan interaksi sosial dan kemahiran serta berkomunikasi dan berinteraksi

bersama rakan-rakan mereka, selain bermain bersama kanak-kanak yang lain.

Rombongan yang diketuai oleh Ketua Sokongan Pembelajaran, Puan Lovella Depala itu dialu-alukan oleh pemilik tempat permainan tersebut, Tuan Daniel Yap bersama kakitangan yang lain.

Dengan adanya lawatan tersebut, para pelajar diharap dapat belajar serta menyesuaikan diri dengan pengalaman pembelajaran yang baru yang dapat membantu mereka meneroka dan bertindak balas terhadap masyarakat.

Oleh itu, Pusat Ehsan tidak lupa mengucapkan setinggi penghargaan kepada Westpark Kiddieland yang bermurah hati untuk menampung para pelajar dan memberi sokongan berterusan sejak lawatan pelajar Pusat Ehsan yang pertama.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman.

Dalam majlis ini, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama juga menyampaikan sijil dan cenderahati kepada para pembentang dan peserta luar negara.

Seminar bertujuan untuk meningkatkan kredibiliti pegawai-pegawai masjid dalam pengurusan masjid dari segi 'idarah', 'imarah' dan 'riayah'.

Juga hadir ialah Setiausaha Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yusoff; Timbalan Setiausaha Tetap, jemputan-jemputan khas dan pegawai kanan serta kakitangan KHEU.

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menyampaikan sijil dan cenderahati kepada seorang pembentang kertas kerja seminar (kanan).



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pe menyampaikan sijil dan cenderahati kepada pembentang kertas kerja seminar (atas dan bawah).



## Kesepakatan saudara baru wujudkan Kelas Bimbingan Iqra

Oleh :  
Hezlinawati Haji Abdul Karim  
Foto : Ihsan

**TEMBURONG**, Selasa, 4 Februari. - Al-Qur'an bukan sekadar bahan bacaan malahan segala inti pati dan pengajaran yang terkandung di dalamnya dijadikan sebagai panduan dalam usaha untuk menghayati ajaran Islam.

Menyedari pentingnya meningkatkan mutu pembacaan Al-Qur'an, saudara-saudara baru Mukim Amo telah sebulat suara untuk mewujudkan Kelas Bimbingan Iqra demi untuk mempelajari dan mendalami lagi kitab suci Allah Subhanahu Wata'ala itu.

Kelas yang diadakan di Balai Ibadat Kampung Sibut, Mukim Amo itu disertai oleh saudara-saudara baru Kampung Sibut, Kampung Sumbiling dan Kampung Amo.

Tenaga pengajar yang didatangkan dari Masjid Kampung Selangan, Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Ahad dalam pendekatan bersama wakil PELITA BRUNEI menjelaskan kelas tersebut diwujudkan dengan tujuan meningkatkan lagi mutu pembacaan saudara-saudara baru yang



KELAS Bimbingan Iqra di Balai Ibadat Kampung Sibut yang diwujudkan hasil kesepakatan saudara-saudara baru demi untuk meningkatkan mutu bacaan Al-Quran.

menyertai kelas berkenaan.

Katanya, dalam menjayakan kelas bimbingan yang mendapat sambutan amat menggalakkan itu beliau telah mengaplikasikan pembelajaran mengikut kaedah Iqra yang sebenar mulai Iqra 1 hingga seterusnya.

Selain meningkatkan mutu bacaan, Awang Haji Mohd. Yusof seterusnya menjelaskan mereka juga akan

didedahkan dalam pertandingan membaca ayat-ayat suci Al-Qur'an dan ayat-ayat lazim yang diadakan setiap tahun dan berharap saudara-saudara baru tersebut akan gigih mengikuti kelas berkenaan.

Kelas Bimbingan Iqra diadakan seminggu sekali iaitu setiap hari Selasa, malam Rabu sejak bulan November 2013.



# میلیکی صفة فموره دان إخلاص

سسغکوهن رسول الله صلی الله علیه وسلم ممیریکن فرتولوغن دغن إخلاص کفد سیاف سهاج یغ مملوکن بتتوان تنفا مغیرا بغسا، کتورونن، اکام دان نکارا. کمورهن هاتی بکندا ایت تله دجریتاکن دالم سبواه حدیث:

مقصودن:

دري أنس رضی الله عنه، سسغکوهن سئورغ للاکي تله مینتأ کفد نبی صلی الله علیه وسلم کمیغ کفویان بکندا یغ دکمبلا دانتارا

دوا کونوغ. لالو بکندا فون ممیریکن کفد للاکي ایت کمیغ ترسبوت. لالو للاکي ایت فولغ کنکرین، دان کفد قومن دي برکات: هندقله کامو مگیکوت اسلام، کران سسغکوهن محمد ممیری بتتوان یغ تیدق سدیکیت، سباکی اورغ یغ تیدق تاکوت کفافان.

دري فیصه ترسبوت جلس منحققکن بهوا بکندا رسول الله صلی الله علیه وسلم ممیریکن بتتوان تنفا ممیلیه اورغیغ ترنتتو سهاج، سبالیقن بکندا إخلاص ممیریکن کفد سسیاف سهاج، بکندا برسیکف تربوک دان ممیریکن بتتوان دغن سادان سلاکي بکندا ممقو دان تردايا. ایتله صفة یغ واجر کیت جنتوهی، بتتوله اورغ ۲ یغ سوسه دان مملوکن فرتولوغن.

أوله یغ دمکین، دالم کسمقاتن این ماریله کیت مغلولورکن صدقه، اتو درما اتو اف جوا فرتولوغن إخلاص کران الله سبحانه وتعالی. سموک کیت مندافة ناوغن دان رحمة الله سبحانه وتعالی دان کیت بردعاء اکر نکارا کیت دهیندرکن دري دتیمقا اف جوا مصیبه دان ملافتکا، آمین یا رب العالمین.

تفسیرن:

واهی اورغ ۲ یغ برلمان جاغن روسقن فها عمل صدقه کامو دغن فرکتان ممبگیکت ۲ دان کلاکوان یغ مپاکیتی، سفرت روسقن فها عمل صدقه اورغیغ مبلنجاکن هرتان کران هندق منحقق ۲ کفد مانسی (ریاء). دان ای قول تیدق برلمان کفد الله دان هاری أخره.

مسلمین یغ درحمی الله،

بکیتوله ایندهن دان جنتیقن اکام اسلام یغ ماهوکن أومة مانسی هیدوف بهکیا دان سجهترا. الحمدلله، کیت أمة برشکور کران رعیة دان فندودوق دنکارا این میلیکی صفة فموره، فریهاتین دان فمدولین. این تربوقی جک اد مریک یغ دتیمقا کسوسهن اتو بنجان عالم سفرت کجادین یغ تله برلاکو بارو ۲ این یایت کجادین بنجیر دان تانه سوسور یغ ملندا دیراف تمقه دنکارا این، رعیة دان فندودوق دنکارا کیت توروبت سام ۲ برکندیغ باهو مغلولورکن بتتوان.

کیت جوک أمة برأونتوغ ممفویای سئورغ راج یغ ساعة فریهاتین ترهادف فندریتان رعیة بکندا سهیغک سفکوف برأغکت برجر دولی کتمقه ۲ یغ دلندا بنجیر.

کتهویله بهوا صفة تولوغ منولوغ ایت دکهندي اوله اکام اسلام دان عمالن تولوغ منولوغ ایت تندا اورغ فموره، درماوان دان موره هاتی. ایتله ساله ساتو صفة یغ دمیلیکی اوله رسول الله صلی الله علیه وسلم یغ فاتوت کیت جنتوهی. کران صفة فموره ایت ساعة باقی کنجارنن.

یغتله واهی قوم مسلمین، دالم کیت ملاکوکن عمل کبیقن ایت هندقله دسرتای دغن نية إخلاص کران الله سبحانه وتعالی. سسغکوهن اف فون جوا بتتوان یغ دسومبغکن دغن توجوان إخلاص سمات ۲ کران الله سبحانه وتعالی، اکن دافة مغلوفوسکن دوسا دان کسالم، سباکیمان فرمان الله سبحانه وتعالی دالم سورة البقرة آية ۲۷۱:

تفسیرن:

کالو کامو ظاهرکن صدقه ۲ ایت سجارا ترغ، مک یغ دمکین اداله بایک کران منجادی جنتوه یغ بایک. دان کالو قول کامو سمبوییکن صدقه ۲ ایت سرت کامو بریکن کفد اورغ ۲ فقیر مسکین، مک ایت اداله له بایک باکی کامو، دان الله اکن مغلوفوسکن دري کامو سبهاکین دري کسالم ۲ کامو. دان یغتله الله مها مغلوهی سجارا مندالم اکن اف یغ کامو لاکوکن.

ماریله کیت منیغکنکن کتقوان کیت کفد الله سبحانه وتعالی دغن فئوه کیقین دان کإخلاص دغن ملاکوکن سکل سوروهنن دان منیغکنکن سکل لاراغنن. مدهمداهن کیت منجادی انسان یغ برتقوی دان برلمان سرت سلامة دنیا دان سلامة دأخرة.

مسلمین یغ درحمی الله،

اکام اسلام مغاغر أومتن سفای منانکن دالم جیوا مریک صفة ۲ مَحْمُودَه (ترفوجی) سفرت ربوات بایک، صبر، عادل، إخلاص، منوهی جنجی، فریهاتین، فمدولین، برتولق أنسور، بکرجماس، برکاسیه سایغ دان ممیریکن فرتولوغن کفد مریک یغ مملوکن دان سباکین.

جک صفة ۲ مَحْمُودَه ترسبوت اد فد دیری سسئورغ، سوده سنتتو اکن ملاهیرکن مانسی یغ فغاسیه دان فموره یغ سکالیکوس اکن مغلوهکن تالی فرسوداران سسام قوم قرابه، جیران تنغکا، صحابه هندای دان مشارکة. اینله فکتور أوتام کاره منجامن کسجهتران هیدوف برأکام، بریغسا، برنکارا دان هیدوف برمشارکة. دالم القرعان الله سبحانه وتعالی ممیریتهنن همبا ۲ سفای برتولوغ تولوغن دان بنتو مینتو کاره فرکارا یغ برکبیقن. سباکیمان فرمان الله سبحانه وتعالی دالم سورة المائدة آية ۲:

تفسیرن:

دان هندقله کامو برتولوغ تولوغن أتوق مموات کبیقن دان برتقوی دان جاغتنه کامو برتولوغ تولوغن فد ملاکوکن دوسا (معصية) دان فنجروبوهن. دان برتقوی له کفد الله کران سسغکوهن الله مها برت عذاب سیقسان باکی سسیاف یغ ملغکر فریتهنن.

سباکی أومة اسلام، کیت دکالتکن برصفة فموره دان تیدق میلیکی صفة بخیل، منتیغکن دیری سندیری دان تیدق أمیل فدولی دغن فندریتان

تفسیرن:

دان جاغن سکالی ۲ اورغیغ بخیل دغن هرت بندا یغ تله دکرنیاکن الله کفد مریک دري کمورهنن مغلکا بهوا کبخیلن ایت بایک باکی مریک. بهکن ای اداله بوروق باکی مریک. مریک اکن دکالوغکن دغن اف یغ مریک بخیلکن ایت فد هاری قیامة کلق. دان باکی الله جواله حق میلیک سکل وارینن لاغیت دان بومی. دان الله مها مغلوهی اکن سکل اف یغ کامو کرجاکن.

## RUMUSAN BARANGAN KEPERLUAN HARIAN MINGGU KEDUA 10 FEBRUARI 2014

No.	DESCRIPTION	WEIGHT	HUA HO (TG BUNUT)	HUA HO (YAYASAN)	FIRST EMPORIUM	WARISAN UTAMAJAYA	JAYA HYPERMARKET	SIM KIM HUAT (KIULAP)	SIM KIM HUAT (TUTONG)
1	<b>Condensed Milk (Susu Manis Pekat)</b>								
	F&N	390 g	\$1.00	\$1.05	\$1.05	\$1.00	\$1.05	\$1.10	\$1.05
	Milkmaid	388 g	\$1.05	\$1.00	\$1.05	\$1.05	\$1.05	\$1.10	\$1.05
	Teapot	388 g	-	\$1.20	-	-	-	\$1.25	-
2	<b>Evaporated Milk (Susu Cair)</b>								
	Cow Bell	400 g	\$1.05	\$1.10	\$1.05	\$1.05	\$1.05	\$1.09	\$1.10
	F&N	400 g	\$1.05	\$1.20	\$1.20	\$1.15	\$1.15	\$1.20	\$1.25
	Ideal	405 g	\$1.45	\$1.45	\$1.45	\$1.45	\$1.45	\$1.45	\$1.45
3	<b>Flour (Tepong)</b>								
	Prima Plain	1 kg	\$2.45	\$2.09	\$2.20	\$2.10	\$2.05	\$2.15	\$2.20
	Green SP Interflour	1 kg	\$1.35	\$1.55	\$1.30	-	\$1.50	\$1.60	-
4	<b>Butter/Margarine</b>								
	Golden Churn	340 g	\$5.35	\$4.95	\$4.90	\$4.95	\$4.69	-	-
	QBB	454 g	\$6.10	\$6.10	-	-	-	\$6.20	\$6.80
	Planta Margarine	480 g	\$3.55	\$3.40	\$3.40	\$3.50	-	\$3.39	\$3.50
5	<b>Instant Noodles</b>								
	Maggi Curry	80g x 5	\$1.65	\$1.69	\$1.60	\$1.70	\$1.59	\$1.69	\$1.75
	Maggi Ayam	80g x 5	\$1.65	\$1.69	\$1.60	\$1.70	\$1.59	\$1.69	\$1.75
	Maggi Asam	80g x 5	\$2.10	\$2.10	\$2.00	\$1.95	\$2.10	\$2.10	\$2.00
	Indo Food Mee Goreng	80g x 5	\$1.90	\$1.90	\$1.80	\$1.80	\$1.79	\$1.79	\$1.80
	Indo Mee Goreng	80g x 5	\$1.45	\$1.40	\$1.40	\$1.35	\$1.35	\$1.29	\$1.40
6	<b>Dried Noodles</b>								
	Falcon & Moon Stick Noodle Tai Thong	150 g	\$0.60	\$0.55	\$0.50	\$1.90	\$0.45	\$0.45	\$0.50
	Cap Udang MBS - Medium Flat Sabah	400 g	\$1.90	\$1.90	-	\$1.85	\$1.75	\$1.90	\$1.80
	Cap Limau Mee Hoon	400 g	\$1.10	\$1.20	\$1.10	\$1.05	\$0.99	\$1.10	\$1.10
	Wai Wai Oriental Style	400 g	\$1.20	\$1.75	\$1.30	\$1.40	\$1.20	\$1.30	\$1.40
7	<b>Fresh Chicken (Ayam Segar)</b>								
	Whole Chicken (Bulat)	1 kg	\$4.30	\$4.45	\$4.30	\$4.35	\$4.29	\$4.29	\$4.19
	Chicken Drumsticks (Peha)	1 kg	\$6.20	\$6.20	\$6.00	\$6.10	\$6.90	\$4.29	\$4.69
	Chicken Breasts (Dada)	1 kg	\$3.90	\$3.90	\$4.00	\$4.80	\$3.99	\$2.99	\$3.19
	Chicken Wings (Sayap)	1 kg	\$7.90	\$7.90	\$7.30	\$7.30	\$6.99	\$7.29	\$6.99
8	<b>Chicken Eggs (Telor Ayam)</b>								
	1 Dozen (Size)	1 doz	\$2.00	\$2.00	\$2.40	\$2.20	\$3.10	-	\$2.10
	1 Tray (30 biji) (Size)	1 tray	\$5.90	\$5.90	\$6.40	\$6.00	\$6.10	\$5.70	\$5.70
9	<b>Onions (Bawang)</b>								
	Shallot (Bawang Merah)	1 kg	\$3.30	\$2.20	\$2.90	\$2.60	\$1.99	\$1.79	\$1.40
	Garlic (Bawang Putih)	1 kg	\$2.20	\$1.60	\$1.50	\$1.65	\$1.99	\$1.49	\$1.40
	Brown Onion (Bawang Besar)	1 kg	\$1.50	\$1.10	\$1.50	\$1.50	\$0.85	\$0.99	\$1.20
10	<b>Cooking Oil (Minyak Masak)</b>								
	Mazola Corn	3 kg	\$14.00	-	\$13.30	-	\$12.90	\$12.49	\$12.50
	Naturel Sunflower	3 kg	\$11.80	\$11.80	-	-	\$10.80	\$7.80	\$11.00
	Labour	2 kg	\$5.70	\$5.30	\$4.90	\$4.80	-	\$4.45	\$4.20
	Labour	5 kg	\$11.60	\$11.10	\$9.20	\$9.30	-	\$10.95	-
	Seri Murni	2 kg	\$4.10	\$3.99	\$4.30	\$4.00	\$3.99	\$3.55	\$3.80
	Seri Murni	5 kg	\$8.95	\$8.50	\$8.90	\$8.95	\$8.99	\$8.65	\$8.80
	Sunco	2 ltr	\$4.30	\$4.15	\$4.30	-	\$4.10	\$4.09	\$4.15
	Sunco	5 ltr	\$9.50	\$9.40	\$9.80	-	\$9.29	\$9.15	\$9.30
	Sania	2 ltr	\$3.85	\$3.95	\$3.95	\$4.20	-	\$3.89	\$3.80
	Sania	5 ltr	\$8.95	\$8.90	\$8.80	\$10.20	\$7.69	\$8.65	-
11	<b>Milo (Malaysia)</b>								
	Nestle Milo	1 kg	\$7.90	\$7.95	\$7.60	\$7.95	\$7.29	\$7.85	\$7.90
	Nestle Milo	1.5 kg	\$12.60	\$12.60	\$13.50	\$12.90	\$12.90	\$12.65	\$12.80
12	<b>Cordial Syrups</b>								
	F&N Sun Valley Grenadine	2 lit	\$5.00	\$4.85	\$4.80	\$4.40	\$4.60	\$4.40	-
	F&N Sun Valley Rose	2 lit	\$5.00	\$4.85	-	\$4.40	-	\$4.95	-
	F&N Sun Valley Sarsi	2 lit	\$5.00	\$4.85	-	\$4.40	-	\$4.60	\$4.60
	Ria Kordial Rose	2 lit	\$4.35	\$4.20	\$4.50	\$4.30	\$4.20	\$4.30	\$4.20
	Ria Kordial Sarsi	2 lit	\$4.35	\$4.20	\$4.50	\$4.30	\$4.20	\$4.09	-
	Rose Brand Rose Syrup Flavour	750 ml	\$3.90	\$3.90	\$3.65	\$3.55	\$3.40	-	\$3.80
13	<b>Sauces (Sos)</b>								
	Habhal Salty Soy Sauce (Cap Kipas Udang)	645 ml	\$3.20	\$3.45	\$3.00	\$3.20	\$3.09	\$2.85	\$2.75
	Habhal Sweet Soy Sauce (Cap Kipas Udang)	645 ml	\$3.35	\$3.60	\$3.20	\$3.35	\$2.99	\$3.09	\$2.95
	Maggi Cilli Sauce	340 gm	\$1.05	\$1.10	\$1.10	\$1.05	\$1.05	\$1.09	\$1.20
	Maggi Tomato Ketchup	325 gm	\$1.00	\$1.05	\$1.05	\$1.00	\$0.99	\$0.99	-
	Adabi Oyster Sauce (Sos Tiram)	510 gm	\$2.30	\$2.30	\$2.10	\$2.20	\$1.99	\$1.99	\$2.00
	Nona Oyster Sauce (Sos Tiram)	510 gm	\$1.80	\$1.90	\$1.80	\$1.90	\$1.69	\$1.65	\$1.80
14	<b>Mayonnaise</b>								

No.	DESCRIPTION	WEIGHT	HUA HO (TG BUNUT)	HUA HO (YAYASAN)	FIRST EMPORIUM	WARISAN UTAMAJAYA	JAYA HYPERMARKET	SIM KIM HUAT (KIULAP)	SIM KIM HUAT (TUTONG)
	Real Mayonnaise (Lady's Choice)	230 ml	\$2.70	\$2.50	\$2.70	\$2.30	\$2.60	\$2.60	\$2.70
	Real Mayonnaise (Lady's Choice)	470 ml	\$3.99	\$4.20	\$4.20	\$4.50	\$4.15	\$3.85	\$4.00
15	<b>Infant Diapers</b>								
	Drypers - Wee Wee Dry Newborn (Up to 5 kg)	NB 28	\$7.15	-	\$7.60	\$7.30	\$7.70	\$7.50	\$7.30
	Drypers Small (3-7 kg)	S 32	\$7.15	-	\$7.50	\$7.30	\$7.70	\$7.50	\$7.30
	Drypers Medium (6-11 kg)	M 28	\$7.15	-	\$7.50	\$7.30	\$7.70	\$7.50	\$7.30
	Drypers Large (9-14 kg)	L 48	\$12.70	\$13.60	\$12.90	-	-	\$12.85	-
	Drypers Extra Large (12-17 kg)	XL 40	\$12.70	\$13.60	\$12.90	-	-	\$12.85	-
	Drypers Extra-Extra Large (15 kg above)	XXL 16	\$7.15	-	\$7.50	\$7.30	-	\$7.50	\$7.30
	Mamy Poko - Newborn (Up to 5 kg)	NB 28+2	\$8.90	-	\$8.90	-	-	-	-
	Mamy Poko Small (3-8 kg)	S 48+2	\$17.70	\$16.80	\$16.90	\$16.80	\$15.60	-	\$16.30
	Mamy Poko Medium (6-11 kg)	M 44	\$17.70	\$16.80	\$16.90	\$16.80	\$15.60	-	\$16.30
	Mamy Poko Large (9-14 kg)	L 56	\$17.70	-	\$16.90	-	-	-	-
	Mamy Poko Extra Large (12-17 kg)	XL 50	\$17.70	-	\$16.90	-	-	-	-
	Mamy Poko Extra-Extra Large (15 kg above)	XXL 28	\$17.70	\$16.80	-	\$16.80	\$15.60	-	\$16.30
	Sealer Newborn (Up to 5 kg)	NB 48	\$8.80	\$8.80	-	-	-	\$8.80	-
	Sealer Small (3-7 kg)	S 46	-	-	-	-	-	-	-
	Sealer Medium (6-11 kg)	M 42	\$12.70	\$13.20	-	-	-	-	-
	Sealer Large (9-14 kg)	L 48	\$12.70	-	-	-	-	-	-
	Sealer Extra Large (12 kg above)	XL 42	\$12.90	\$14.80	-	-	-	\$15.20	-
	Sealer Sumo Extra Large (15 kg above)	XXL 28	\$11.10	\$11.50	-	\$11.50	-	\$11.80	-
	EQ Dry- Newborn (Up to 5 kg)	NB 20/22	-	-	-	-	-	\$3.80	-
	EQ Dry Small (3-7 kg)	S 40	\$7.80	\$7.80	-	-	\$10.50	\$7.50	\$6.90
	EQ Dry Medium (6-11 kg)	M 36	\$7.80	\$7.80	-	-	-	\$7.50	\$6.90
	EQ Dry Large (9-14 kg)	L 48	\$10.40	\$10.55	-	\$10.40	\$10.50	\$10.95	\$10.30
	EQ Dry Extra Large (12-17 kg)	XL 42	\$10.40	\$10.55	-	\$10.40	\$10.50	\$10.95	\$10.30
	EQ Dry Extra-Extra Large (15 kg above)	XXL 24	\$9.00	\$9.00	\$9.20	\$8.80	-	\$8.70	-
16	<b>Frozen</b>								
	BMC - Chicken Frankfurters	340 g	\$1.99	\$1.99	\$2.10	-	\$1.99	\$1.95	\$2.00
	Ayamas - Chicken Frankfurters	340 g	\$2.45	\$2.45	\$2.35	-	\$2.59	\$2.29	\$2.35
	BIFFI Chicken Frankfurters	340 g	-	\$1.65	\$1.65	-	\$1.45	\$1.25	\$1.35
	BMC - Nuggets	1 kg	\$5.80	\$5.80	\$6.50	-	\$6.90	\$5.90	\$6.30
	Ayamas - Crispy Nuggets	1 kg	\$8.65	\$8.80	\$8.20	\$8.50	\$8.70	-	\$7.95
	FARMS Best Chicken Nuggets	1 kg	\$5.40	\$5.40	\$5.50	\$7.30	-	-	-
	BMC - Chicken Burger	900 g	\$6.45	\$6.45	\$7.20	-	\$7.30	\$6.25	\$6.40
	PDS - Chicken Burger	900 g	-	-	-	-	-	-	-
	BMC - Beef Burger	900 g	\$6.35	\$6.95	\$6.80	-	\$6.30	\$6.19	\$6.30
	PDS - Beef Burger	900 g	\$7.20	\$7.20	\$6.95	-	\$7.60	\$6.30	\$6.30
17	<b>Canned Preserved Food</b>								
	Yeo's Chicken Curry	145 g	\$1.50	\$1.55	\$1.50	\$1.50	\$1.50	\$1.50	\$1.40
	Rex Chicken Curry	160 g	\$1.50	\$1.50	\$1.60	\$1.50	\$1.50	\$1.50	\$1.40
	Ayam Brand Sardine In Tomato Sauce Tall	230 g	\$2.30	\$2.30	\$2.25	\$2.15	\$2.10	\$1.95	\$2.20
	Ayam Brand Sardine In Tomato Sauce Oval	215 g	\$2.35	\$2.35	\$2.50	\$2.25	\$2.10	\$2.09	\$2.20
	Smiling Fish Fried Baby Clam with Chili	40 g	\$1.05	\$1.10	\$1.10	\$1.10	\$0.99	\$1.05	\$1.10
	Smiling Fish Crispy Baby Clam	30 g	\$1.15	\$1.15	\$1.20	-	\$1.15	\$1.05	\$1.10
	Kara Natural Coconut Extract	200 ml	\$1.10	\$1.10	\$1.10	\$1.00	\$1.00	-	-
	Ayam Brand Coconut Milk Blue Packet	200 ml	\$1.10	\$1.10	\$1.10	\$1.10	\$0.95	-	\$1.20
	Ayam Brand Coconut Milk Blue Tin	270 ml	\$1.80	\$2.30	\$1.70	\$1.65	\$1.65	\$1.70	\$1.80
	Chakoah Coconut Milk Gata	400 ml	\$1.45	\$1.55	\$1.50	\$1.50	\$1.39	\$1.35	\$1.50
	Babu Kitchen Coconut Milk Indo	400 ml	\$1.65	\$1.70	\$1.60	\$1.80	\$1.39	\$1.39	\$1.40
18	<b>Kaya Spread</b>								
	Habhal's Cap Kipas Udang Sri Kaya	240 g	\$1.95	\$2.10	\$2.10	\$2.00	\$1.95	\$1.75	-
	Nona Kaya dengan telur Omega	180 g	\$1.20	\$1.25	-	\$1.20	-	\$1.20	-
	Play Basketball since 1965 Spore	200 g	\$0.95	\$0.95	\$1.90	\$1.85	-	-	-
	Glory Nyonya Kaya Coconut Jam	250 g	\$1.85	\$1.70	-	\$1.80	-	-	-
19	<b>Detergents</b>								
	Ekonomi Handalan Putih Kekal Baru	2.5 kg	\$5.10	\$4.85	\$4.30	-	-	-	\$5.00
	DAIA Excellent Washing Powder	2.5 kg	\$6.15	\$6.50	\$5.9				

# Hubungan Brunei - Singapura kukuh



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan berbual mesra dengan Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Tony Tan Keng Yam pada Majlis Persantapan Negara Sempena Lawatan Rasmi Presiden Republik Singapura ke negara ini pada Mei 2013.

**H**UBUNGAN tradisi yang akrab antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura dalam pelbagai bidang yang mempunyai kepentingan bersama sentiasa dipelihara dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Setiap ruang dan peluang dimanfaatkan oleh pelbagai peringkat termasuk sektor kerajaan, swasta dan rakyat kedua-dua buah negara.

Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura sememangnya mempunyai hubungan tradisi yang sudah wujud sejak sekian lama. Kerjasama erat berasaskan sikap saling hormat-menghormati, ketelusan dan persefahaman menjadi pemangkin kepada kemesraan hubungan ini.

Kedua-dua buah negara berkongsi hubungan istimewa sejak dari Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Lee Kuan Yew. Hubungan tersebut terus dipupuk dan dipelihara hingga ke hari ini di bawah pimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan pemimpin-pemimpin Singapura seterusnya.

Persahabatan ini antaranya dipupuk melalui pertukaran-pertukaran lawatan pemimpin tertinggi, pegawai-pegawai kanan kerajaan, sektor swasta, para belia dan masyarakat umumnya. Kerjasama juga wujud melalui interaksi dalam bidang ekonomi, perniagaan dan pelaburan; pendidikan; pertahanan dan keselamatan; kesihatan; kebudayaan; sukan dan lain-lain.

Sebagai sahabat dan rakan kongsi yang baik, kedua-dua buah negara juga saling mengundang pemimpin tertinggi untuk menghadiri acara-acara kenegaraan, sukan dan sebagainya. Dalam minggu ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga dijangka akan berangkat ke Pertunjukan Udara Singapura 2014.

Dua tahun lepas Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga telah ber-

angkat ke Pertunjukan Udara Singapura 2012 di Changi Exhibition Centre. Sementara itu Presiden Republik Singapura, TYT Dato Laila Utama Tony Tan bersama isteri pula mengadakan Lawatan Rasmi ke Negara Brunei Darussalam pada 28 hingga 30 Mei 2013.

## SALING MENGHARGAI

Tonggak kepada kukuhnya hubungan Brunei Darussalam dan Singapura tidak syak lagi adalah atas sikap saling menghargai *sokongan dan bantuan* di antara satu sama lain. Perkara ini jelas diungkapkan melalui titah dan ucapan para pemimpin kedua-dua buah negara.

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah pada Majlis Persantapan Negara Sempena Lawatan Rasmi Presiden Republik Singapura pada Mei 2013 antara lain menekankan bahawa lawatan TYT bukan sahaja dapat memperbaharui dan mengukuhkan persahabatan peribadi, bahkan juga dapat mempererat lagi hubungan Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura yang sudah lama terjalin di pelbagai peringkat.

"*Hubungan saling hormat-menghormati dan percaya-mempercayai telah membolehkan Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura untuk memperluaskan lagi bidang-bidang kerjasama pertahanan, kesihatan, pendidikan, perdagangan dan perniagaan yang telah wujud sekian lama,*" titah baginda.

Baginda juga bertitah menghargai sumbangan penting kira-kira 700 rakyat Republik Singapura kepada pembangunan Negara Brunei Darussalam dalam pelbagai sektor, di samping menghargai sokongan berterusan republik itu kepada negara ini selaku Pengerusi ASEAN 2013.

Pada masa yang sama Kebawah DYMM juga bertitah melahirkan rasa puas hati kerana terdapat interaksi yang bermanfaat di peringkat menteri dan pegawai daripada kedua-dua buah negara bahkan dalam kalangan para belia.

Dalam skop yang lebih luas baginda bertitah menyatakan bahawa Negara Brunei Darussalam

dan Republik Singapura mempunyai banyak kepentingan bersama dalam usaha ke arah keamanan dan kestabilan serantau untuk membolehkan negara-negara ASEAN dapat membangun dengan lebih pesat sekali gus mewujudkan ekonomi yang lebih mantap.

Sementara itu Presiden Republik Singapura, TYT Dato Laila Utama Tony Tan Keng Yam dalam sembah ucapan balasnya pula antara lain menyifatkan bahawa hubungan kedua-dua buah negara lebih daripada sekadar rakan kongsi tetapi berkongsi pandangan yang sama dengan menumpukan kepada kepentingan kerjasama.

TYT juga menyatakan, hubungan pertahanan antara kedua-dua buah negara juga sangat istimewa dan telah menyumbang kepada keselamatan dua hala. Presiden Republik Singapura juga menghargai sumbangan Negara Brunei Darussalam kerana menyediakan kawasan latihan bagi Angkatan Bersenjata Republik Singapura (SAF).

Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam juga akan meneroka bidang kerjasama baru dengan mengemaskinikan Memorandum Persefahaman (MoU) dalam kerjasama kesihatan dengan meningkatkan perkongsian maklumat dan mengembangkan kerjasama dalam bidang baru seperti penyakit tidak berjangkit dan promosi kesihatan.

Selain itu, Presiden Republik Singapura juga melahirkan perasaan gembira melihat para belia kedua-dua buah negara saling bekerjasama dan bantu-membantu. TYT juga mengambil maklum bahawa Universiti Brunei Darussalam (UBD) menjalin kerjasama dengan Singapore Mercy Relief untuk mengukuhkan usaha-usaha kemanusiaan di ASEAN sekali gus mengeratkan lagi hubungan kedua-dua buah negara.

## PENDIDIKAN

Antara kerjasama yang telah lama terjalin ialah bidang pendidikan, di mana Negara Brunei Darussalam sejak tahun 50-an lagi sudah menghantar penuntut-penuntut ke Republik Singapura untuk melanjutkan pelajaran termasuk di Madrasah Al-Juned. Beberapa

di antara pelajar tersebut berjaya menjawat jawatan tinggi dalam kerajaan, swasta dan dikenali dalam masyarakat.

Pada masa ini terdapat sekitar 30 penuntut negara ini belajar di pelbagai institusi pendidikan di republik itu, selain pegawai dan kakitangan yang mengikuti kursus, manakala beberapa pelajar Republik Singapura meneruskan pelajaran di UBD.

Sementara itu daripada kira-kira 700 warganegara Singapura yang bekerja di negara ini, lebih 10 tenaga pengajar berkhidmat di Institut Teknologi Brunei termasuk sekolah-sekolah kerajaan dan swasta.

## EKONOMI

Republik Singapura merupakan rakan perdagangan ketiga terbesar negara ini selepas Republik Korea dan Jepun. Republik Singapura juga adalah rakan niaga terbesar dalam kalangan negara ASEAN diikuti Malaysia dan Republik Indonesia. Antara barangan perdagangan utama ialah kimia, bahan api, mineral, jentera, peralatan perkilangan dan peralatan dalam lain-lain.

Pada masa ini terdapat 11 buah syarikat usahasama Brunei - Singapura yang didaftarkan di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Sementara itu Konsultan Lapangan Terbang Changi Singapura Pte. Ltd dan AECOM Asia Company Ltd. bertanggungjawab sebagai konsultan kepada Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEBD) dalam menaik taraf dan pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei yang dijangka siap pada tahun 2014.

## KEWANGAN

Salah satu kerjasama yang signifikan dalam bidang kewangan ialah Perjanjian Kesalingbolehtukaran Matawang antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura yang dimeterai sejak tahun 1967. Ini merupakan contoh nyata eratnya hubungan rakyat kedua-dua buah negara dalam kehidupan seharian.

Pada tahun 2007, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Perdana Menteri Republik Singapura, TYT Lee Hsien Loong menyambut ulang tahun ke-40 tahun perjanjian tersebut. Sempena sambutan tersebut kedua-dua pemimpin juga bersama-sama melancarkan wang kertas polimer bernilai BND20 di Bandar Seri Begawan sebagai simbolik memperingati peristiwa bersejarah itu.

Manakala sempena memperingati ulang tahun ke-45 perjanjian tersebut, Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dan Autoriti Monetari Singapura (AMS) telah melancarkan sampul surat khas dan setem peringatan bersama pada 27 November 2012.

## KESELAMATAN/ PERTAHANAN

Pada awal tahun 70-an Kerajaan Kebawah DYMM dan Republik Singapura telah menandatangani perjanjian untuk memberikan kebenaran kepada SAF mengadakan latihan dan penempatan di Daerah Temburong.

Dalam masa yang sama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan SAF juga sering mengadakan

latihan-latihan ketenteraan bersama sejak tahun 1979. Selain daripada itu kedua-dua buah angkatan tentera juga mengadakan pertukaran lawatan, dialog, perkongsian maklumat dan profesionalisme serta kursus bagi pegawai-pegawai dan anggotanya.

Di samping itu kedua-dua buah negara juga mengadakan kerjasama erat dalam bidang kepolisian. Ini mencakupi perkongsian maklumat, mesyuarat tahunan, latihan dan peningkatan kemahiran dalam kalangan kedua-dua buah pasukan keselamatan itu.

Pada bulan Mac 2012, kedua-dua buah pasukan keselamatan itu mengadakan latihan BruSing Kali Ke-20 di Negara Brunei Darussalam disusuli mesyuarat dua hala tahunan kali ke-8 dan Sukan Interforces Ke-8 pada bulan Mac 2013.

## KESIHATAN

Kedua-dua buah negara telah memperbaharui MoU mengenai kerjasama kesihatan yang sebelumnya ditandatangani pada 9 Februari 2007. Sementara itu beberapa pesakit dari negara ini juga menjalani rawatan di Republik Singapura. Pada masa yang sama beberapa pegawai perubahan juga menjalani latihan dalam pelbagai bidang kepakaran di negara tersebut.

## BELIA/SUKAN

Pada bulan Mei 2013, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam dan Ketua Eksekutif Mercy Relief Singapura telah bersetuju menubuhkan Kontinjen Belia Brunei - Singapura bertujuan untuk menjalankan kerja-kerja bantuan kemanusiaan bagi masyarakat yang memerlukan di Asia Tenggara.

Kerjasama juga dibuat dalam bidang sukan khususnya bola sepak di mana Persatuan Bola Sepak Singapura mengundangi Kelab Bola Sepak Duli Pengiran Muda Mahkota (DPMM FC) menyertai kejohanan-kejohanan berprestij di negara itu. Sejak tahun 2004 pasukan tersebut mula mengikuti beberapa siri kejohanan dan pada tahun 2009 menyertai Liga Singapura yang merupakan antara liga bola sepak terbaik di rantau Asia.

## PERJANJIAN

Agensi-agensi kedua-dua buah negara juga memeterai perjanjian persefahaman. Antaranya perjanjian persefahaman bagi Projek Pembangunan Beras Hibrid antara Negara Brunei Darussalam dan Sunland Agri-Tech Sdn. Bhd. Singapura yang ditandatangani pada 9 Mei 2012.

Juga dimeterai ialah perjanjian antara BEBD dengan TEE International Limited pada bulan Oktober 2010 untuk membina rumah di bawah Skim Perumahan Negara Brunei Darussalam, manakala Royal Brunei Airlines (RBA) dan Singapore Airlines juga dibuat pada bulan Mei 2010 bagi menyewa enam buah pesawat jenis Boeing 777.

## LEBIH LUAS

Kerjasama antara kedua-dua buah negara akan sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa, di samping meneroka bidang-bidang baru yang mempunyai kepentingan bersama. Ini termasuk bidang-bidang kemahiran dan profesional, penyelidikan, teknologi, makanan halal dan sebagainya. Ini akan mengukuhkan lagi persahabatan yang sedia terjalin.

# Bendera negara berkibar megah

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali,  
Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 9 Februari. - Bendera besar Negara Brunei Darussalam mula berkibar megah hari ini di kawasan lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di ibu negara sejurus selesainya Upacara Menaikkan Bendera Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30 Tahun ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Upacara bermula dengan bacaan Surah Al Faatihah dan doa selamat dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Omar 'Ali Saifuddin (SOAS), Mudim Haji Amran bin Haji Mohd. Salleh.

Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji

Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos semasa berucap, selaku Pengerusi Majlis berkata, sambutan tahun ini merupakan sambutan yang istimewa kerana dengan izin-Nya juga kita dapat merasakan pencapaian kemerdekaan tanah air genap 30 tahun.

"Sebagai kesinambungan kepada 30 tahun mengecapi kedaulatan sebagai sebuah negara yang merdeka, tema sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan bagi tahun ini ialah 'Generasi Berwawasan' mengajak kita untuk mengorak langkah dan terus bersedia menghadapi Wawasan Negara 2035," ujarnya.

Generasi Berwawasan, jelasnya, memberikan gambaran bahawa negara telah merangka satu wawasan sebagai landasan yang terarah lagi teruskan dalam membangun Negara Brunei Darussalam.

Pengibaran bendera, terangnya, bukan sahaja sebagai tanda penzahiran terhadap bermulanya tarikh sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan malah ianya berupa penzahiran rasa terima kasih kita terhadap tanah air tercinta.

Beliau menyeru agar seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam untuk sama-sama turut serta dalam memeriahkan pengibaran bendera di kediaman masing-masing mengikut garis pandu yang telah ditetapkan oleh Jabatan Adat Istiadat Negara.

Keterlibatan kita dalam sama-sama menghormati bendera negara, katanya, tidak memadai dengan hanya menaikkan dan mengibarkannya begitu sahaja, namun ianya juga perlu dipenuhi dengan rasa kecintaan terhadap negara serta semangat patriotisme yang mendalam.

Beliau berharap agar penghulu dan ketua kampung akan dapat melarutkan lagi upacara seumpamanya ini di mukim dan kampung masing-masing dengan keterlibatan anak-anak buah kampung terdiri daripada belia dan remaja, yang mana menurutnya golongan ini seharusnya didedahkan kepada inti pati wawasan negara dan pada masa yang sama juga golongan ini perlu dimantapkan dengan didikan agama Islam bagi merealisasikan Negara Zikir.

"Para belia, selaku pewaris kepada bangsa dan negara perlulah menanamkan dari awal semangat mempertahankan, memartabatkan serta menjaga kemuliaan dan kehormatan bendera kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang merupakan maruah bangsa dan negara," tegasnya.

Majlis diteruskan dengan penyerahan

bendera besar oleh Menteri Pendidikan kepada pasukan Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) yang kemudiannya melaksanakan Upacara Menaikkan Bendera diiringi lagu kebangsaan oleh gabungan kumpulan koir Sekolah Menengah Berakas, Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin dan Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, diiringi oleh pancaragam Pasukan Polis Diraja Brunei.

Menteri Pendidikan seterusnya menyempurnakan penyampaian

bendera-bendera dan poster-poster sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30 kepada pegawai-pegawai daerah di keempat-empat daerah.

Antara yang hadir dalam majlis itu ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah dan Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan

Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Juga hadir ialah Grand Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Pegawai Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin bin Pengiran Paduka Tuan Pengiran Haji Abu Bakar;

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara; Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman; Timbalan Menteri Hal Ehwal

Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Yang Dimuliakan Pehin-Pehin, Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Upacara Menaikkan Bendera Besar tersebut sekali gus menandakan bermulanya pengibaran bendera di rumah-rumah kediaman, bangunan-bangunan kerajaan dan swasta di seluruh negara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-30.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Upacara Menaikkan Bendera Besar Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30 Tahun berlangsung di kawasan lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) di ibu negara.



BENDERA besar Negara Brunei Darussalam di ibu negara dinaikkan oleh pasukan anggota TLDB (kiri), sementara gambar kanan, sebahagian ahli-ahli Persatuan Pengakap yang menyertai Upacara Menaikkan Bendera tersebut.



YANG Berhormat Menteri Pendidikan menyerahkan Bendera Negara Brunei Darussalam kepada anggota Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) untuk dinaikkan.



SEBAHAGIAN ahli beruniform Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) dan pelajar-pelajar sekolah yang mengikuti dan memeriahkan Upacara Menaikkan Bendera Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30 di kawasan lapang Kompleks YSHHB di ibu negara.



MENTERI Pendidikan menyerahkan bendera dan poster sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30 Tahun kepada Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Misle bin Haji Abdul Karim (kiri) dan kepada Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman (kanan).



MENTERI Pendidikan menyerahkan bendera dan poster sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30 Tahun kepada Pegawai Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali (kiri) dan kepada Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Ajmin bin Haji Meludin (kanan).





IKLAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 38(A)  
berkenaan adalah seperti berikut ialah pada hari Selasa, 4 Mac 2013 tidak lewat jam 2.00 petang. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

d. Taklimat dan Penerangan (Information Day) bagi projek ini akan diadakan pada hari Isnin 17 Februari 2014 pukul 9.00 pagi bertempat Bilik Bahagia, Pejabat Pentadbiran dan Kewangan Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat.

e. Dokumen tawaran bolehlah diperolehi di Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat, Lapangan Terbang Lama Berakas, Brunei Darussalam.

i. Pembayaran-Bahagian Kewangan Tingkat Bawah (Ground Floor).

ii. Pengambilan Dokumen - Ofis Pentadbiran

Pengarah Tingkat 2 (2nd sahaja).

iii. Pembayaran dan Pengambilan dokumen ialah pada hari-hari bekerja sahaja.

f. Pembayaran 'Tender Fee' mengikut projek yang diambil adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan (not refundable).

g. Tawaran-tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertutup rapi dengan menyatakan Tajuk Tawaran dan ada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah dibuat rujukan dan tarikh tutup tawaran seperti yang diiklankan tanpa menunjukkan identiti pembekal.

h. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang rendah dan lain-lain.

**JADUAL UJIAN BERTULIS PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM**

**SAMBUNGAN JADUAL BAGI BULAN FEBRUARI 2014**



Universiti Brunei Darussalam  
changes the way you see the world  
and the way the world sees you

BIL.	JAWATAN/ TANGGAGAJI/ BIL. RUJUKAN IKLAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP IKLAN	KEMENTERIAN/ JABATAN (KEKOSONGAN)	UJIAN				RAMAI CALON
					TARIKH (HARI)	JAM	SESI	TEMPAT	
6	PEGAWAI KAJI SELIDIK B.2 EB.3 2013/0128/02		30.10.2013	JABATANARAH PENTADBIRAN DAN TENAGA MANUSIA, KEMENTERIAN PERTAHANAN (3)	12.02.2014 (RABU)	08.30 Pagi	PERTAMA	DEWAN UJIAN SPA, TKT 2	200
						10.15 Pagi	KEDUA		391
7	PENYELARAS PROJEK C.3-4 EB.5 2013/0126/01		30.10.2013	JABATAN TENAGA, JABATAN PERDANA MENTERI (3)	13.02.2014 (KHAMIS)	08.30 Pagi	PERTAMA	DEWAN UJIAN SPA, TKT 2	200
						09.45 Pagi	KEDUA		322
8	PENOLONG PEGAWAI KERJA TINGKAT II C.1-2 EB.3 2013/0106/04			JABATAN-JABATAN KERAJAAN (3)	14.02.2014 (JUMAAT)	08.30 Pagi		SM RIMBA	626
9	PEGAWAI PENGEN- PENCEN KANAN C.3-4 EB.5 2013/0120/04	7(A)	20.11.2013	JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT (2)	15.02.2014 (SABTU)	08.30 Pagi	PERTAMA	DEWAN UJIAN SPA, TKT 2	230
						09.45 Pagi	KEDUA		445
10	JURUTERA B.2 EB.3 / B.2 2013/0131/03		18.12.2013	JABATAN PENERBANGAN AWAM (1)	19.02.2014 (RABU)	08.30 Pagi		DEWAN UJIAN SPA, TKT 2	28
11	TEKNISYEN KAPAL TINGKAT II E.3 EB.4 2013/0131/09		18.12.2013	KEMENTERIAN PERTAHANAN (1)		02.30 Petang		DEWAN UJIAN SPA, TKT 2	100
12	JURUTEKNIK PEMELIHARAAN C.3-4 EB.5 2013/0131/05		18.12.2013	JABATAN RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI (1)	20.02.2014 (KHAMIS)	08.30 Pagi		DEWAN UJIAN SPA, TKT 2	46
13	PEMBANTU HAIWAN D.3 EB.4-5 2013/0131/07			JABATAN PERTANIAN DAN AGRIKULTUR (1)		02.30 Petang			77
14	PEGAWAI PERPUSTAKAAN B.2 EB.3 / B.2 2013/0112/02		30.10.2013	JABATAN JABATAN KERAJAAN (1)	22.02.2014 (SABTU)	08.30 Pagi	PERTAMA	DEWAN UJIAN SPA, TKT 2	245
						10.15 Pagi	KEDUA		488
15	PEMBANTU STADIUM DAN KOMPLEKS SUKAN D.3-4 EB.5 2013/0128/06		11.12.2013	JABATAN BELIA DAN SUKAN (1)		02.30 Petang			91

**IKLAN TAWARAN**

Projek :	<b>Tender for The Supply of Labour, Supervisor and Transport for Events, Universiti Brunei Darussalam [ 3 Years Term Contract ]</b>	
Bil. Tawaran	<b>UBD/E8/005/2014</b>	
Yuran tawaran	<b>B\$ 30.00</b> (Tidak akan dikembalikan)	
Tarikh dibuka	<b>12 Februari 2014</b>	Tarikh tutup <b>04 Mac 2014</b>
Kelas	<b>Kontraktor yang berdaftar di Kementerian Pembangunan Kelas III ke atas</b>	
Kategori	-	
<b>PENGHANTARAN TAWARAN :</b>		
Lembaga Tawaran Kecil, Bahagian Perkhidmatan Kewangan (A) Block A, Tingkat 1 Kementerian Pendidikan Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510 Negara Brunei Darussalam.		
Pengambilan tawaran: Pejabat Estet, Blok Pentadbiran, Universiti Brunei Darussalam.		
Waktu mengambil tawaran : Isnin-khamis, Sabtu ( 8.00 - 11.00 pagi and 2.00 - 3.30 ptg)		
Untuk keterangan lanjut, sila hubungi		
Pejabat Estet, Universiti Brunei Darussalam, Jalan Tungku Link, Gadong BE 1410		
Tel: +673 2463001 ext : 2501/2121 Fax: +673 2460552 Email: office.estate@ubd.edu.bn		

**Universiti Brunei Darussalam. Our National University.**



**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

No. Tawaran:

JPPK /LTK/ 04/2014

Tajuk Tawaran :

**PROPOSED NAVAL TRAINING  
SCHOOL AT ROYAL BRUNEI NAVAL  
BASE MUARA**

Yuran Tawaran :

**\$1,000.00 (Tidak dikembalikan)**

Kelas: V dan KE ATAS SAHAJA

Kategori: B01 ATAU KA01

Tempoh Penyiapan: EMPAT BELAS  
(14) BULAN

**Syarat-Syarat Tawaran :**

a. TAWARAN-TAWARAN hendaklah di-  
masukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga

Tawaran Kecil, Bangunan Kementerian Per-  
tahanan, Blok 'C', Jabatanarah Kewangan dan  
Perolehan, Bolkiah Garison BB3510, Negara  
Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00  
petang, hari Selasa, 4 Mac 2014.

Dokumen-dokumen tawaran boleh  
diperolehi dari Jabatanarah Pembangunan dan  
Perkhidmatan Kerja, Tingkat 1 Block D,  
Bangunan Kementerian Pertahanan, Bolkiah  
Garrison BB3510, Negara Brunei Darussalam  
semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat).  
Tarik terakhir mengambil dokumen  
tawaran pada 28 Februari 2014, hari Jumaat  
jam 4.00 petang.

b. Bayaran Tawaran, Tender Fee hendaklah  
dibayar di Bahagian Pentadbiran dan  
Kewangan Jabatanarah Kewangan dan Per-  
olehan, Blok 'C', Tingkat satu Bangunan  
Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison

BB3510, Negara Brunei Darussalam.

**WAKTU BAGI MENERIMA  
BAYARAN**

ISNIN - KHAMIS :

8.00 pagi - 3.00 petang

JUMAAT :

8.00 pagi - 10.30 pagi

2.30 petang - 3.00 petang

c. Pembekal adalah dikehendaki membayar  
semua Yuran Dokumen dan Bayaran Tawaran  
seperti yang diiklankan. Yuran Tawaran adalah  
dikehendaki dan tidak akan dikembalikan ke-  
pada setiap pemborong sama ada yang berjaya  
atau yang tidak berjaya setelah menghantar  
tawaran yang jujur (*bon-fide tender*). Kadar  
Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan  
dalam iklan tawaran.

d. Kerajaan tidak terikat untuk menerima  
sebarang tawaran yang paling rendah.

e. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar  
dengan menggunakan borang-borang tawaran  
yang telah disediakan. Tawaran yang diterima

lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan  
dikira sebagai tawaran tidak jujur (*bon-  
fide-tender*). Kadar Yuran Tawaran adalah  
seperti yang ditetapkan dalam Iklan Tawaran.

f. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan  
hendaklah disertakan bersama dengan  
menyenaikan butir-butir syarikat berkenaan  
seperti nama, nombor kad pengenalan atau  
nombor passport pemilik.

g. Penawar yang menolak atau membatalkan  
tawaran atau kontrak setelah kebenaran ta-  
waran diperolehi atau setelah tutup tawaran  
akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan  
garis pandu yang diberikan oleh Lembaga  
Tawaran Negara.

h. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar  
dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup  
rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul  
surat, hendaklah dinyatakan Rujukan dan Tajuk  
Tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran itu  
seperti mana yang diiklankan.

i. Iklan-iklan tawaran boleh dilihat melalui  
laman web <http://www.mindef.gov.bn>.



**PUSAT DA'WAH ISLAMIAH  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

Bilangan Tawaran 1: (14) KHEU.PDI 300-001/03 JILID 4

Tajuk Tawaran : MEMBEKAL BARANG-BARANG  
KEPERLUAN HARIAN KEPADA SAUDARA-  
SAUDARA BARU SELAMA SATU TAHUN BERMULA  
01 APRIL 2014 HINGGA 31 MAC 2015 BAGI PUSAT  
DA'WAH ISLAMIAH (DAERAH BELAIT)

**Syarat-Syarat Tawaran :**

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang  
berada di Daerah Belait sahaja dan hendaklah ada kedai  
syarikat di Daerah Belait serta hendaklah berdaftar dengan  
Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda  
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Yuran Tawaran \$30.00 (Tidak dikembalikan)

3. Borang tawaran dan penarahan-penerangan yang lanjut  
boleh didapati di Tingkat 1 Bahagian Kewangan,  
Bangunan Kementerian Hal Ehwah Ugama, Jalan Menteri  
Besar Berakas BB3910, Negara Brunei Darussalam.

4. Tawaran hendaklah menggunakan borang yang disediakan  
dan diisikan dengan lengkap dengan menyertakan salinan Sijil  
Pendaftaran Perniagaan Section 16 & 17 yang sah semasa  
menghantar borang tawaran dan hendaklah ada menyatakan  
perkara berhubung dengan tawaran di atas.

5. Penghantaran Borang Tawaran hendaklah ditulis di luar  
sampul "Bilangan Tawaran Iklan - Tajuk Tawaran -Tarikh  
Tutup " tanpa menunjukkan Pengenalan / Identiti Syarikat /

Pemborong di luar sampul surat.

6. Tawaran yang tidak lengkap, tidak betul, tidak jelas dan  
tidak mematuhi syarat dan peraturan sebut harga adalah di-  
anggap rosak dan ditolak.

7. Tawaran hendaklah dihantar dan dimasukkan sendiri ke  
dalam :- Peti Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Hal  
Ehwah Ugama, Tingkat 1 Bahagian Kewangan, Bangunan  
Kementerian Hal Ehwah Ugama, Jalan Menteri Besar  
Berakas BB3910, Negara Brunei Darussalam tidak lewat  
pada hari Selasa - 25 Februari 2014. Jam 2.00 petang.  
Tawaran yang diterima lewat dari waktu dan tarikh tutup yang  
telah ditetapkan tidak akan dilayan.-

8. Tarikh dan jam tutup mengambil borang tawaran pada  
**20 Februari 2014, jam 2.00 petang.**



## KEMENTERIAN PERTAHANAN

**KEMENTERIAN PERTAHANAN  
MINDEF/DFA/RC/175 3)  
DAILY HOUSEKEEPING TERM  
CONTRACT FOR THE DENTAL  
CLINIC BUILDING AT BERAKAS  
GARRISON - FIVE (5) YEARS  
CONTRACT  
Yuran Tawaran: \$50.00  
(tidak dikembalikan)**

**Syarat-Syarat Tawaran :**

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Baru Kementerian Pertahanan, Blok C, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garison BB3510,

Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00 petang hari Selasa, 4 Mac 2014.** Dokumen - dokumen tawaran boleh diperolehi dari Unit Kaunter perkhidmatan Pelanggan (Blok D), Jabatanarah Kewangan dan Perolehan Kementerian Pertahanan semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat).

Bayaran tawaran, 'Tender fee' hendaklah dibayar di Unit Kaunter Bahagian Kewangan Blok C, Tingkat 1, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Blok D, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam.

**Waktu bagi menerima bayaran:-  
Isnin - Khamis :**

**8.00 pagi - 3.00 petang  
Jumaat :  
8.00 - 10.30 pagi  
2.00 - 3.00 petang**

Pembekal adalah dikehendaki membayar semua Yuran Dokumen dan Bayaran Tawaran seperti yang diiklankan. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide-tender). Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur

(non-bona-fide-tender) dan tidak akan dilayan.

Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir Syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.

Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran ini.

Iklan-iklan tawaran boleh dilihat melalui laman web: <http://www.mindef.gov.bn>



## KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN

## KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN

**Bilangan Tawaran 1:  
MOFAT/ICC/ME/01/2014  
Bilangan Tawaran 2:  
MOFAT/ICC/CS/02/2014**

**Syarat-Syarat Tawaran :-**

1. TAWARAN adalah dipelawa dari Syarikat-Syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi;

**Bilangan Tawaran 1 :  
MOFAT/ICC/ME/01/2014**

**Tajuk Tawaran : OPERATING, MAINTENANCE AND TROUBLE SHOOTING OF ELECTRONIC EQUIPMENT, LED DISPLAY SYSTEM AND STAGE LIGHTING EQUIPMENT AT INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE, BERAKAS, MINISTRY OF FOREIGN AFFAIRS AND TRADE FOR THE PERIOD OF THREE (3) YEARS**

**Bilangan Tawaran 2 :  
MOFAT/ICC/CS/02/2014**

**Tajuk Tawaran : CLEANING SERVICES AT INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE, BERAKAS, MINISTRY OF FOREIGN AFFAIRS AND TRADE FOR THE PERIOD OF THREE (3) YEARS**

2. Syarikat-syarikat Pemborong yang berminat untuk menyertai tawaran di atas dikehendaki memperoleh Dokumen Tawaran di Pejabat Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Jalan

Stadium semasa waktu pejabat dengan membayar Yuran Tawaran (tidak dikembalikan) sebanyak BND30.00 dibayar kepada "Kerajaan Negara Brunei Darussalam."

Bayaran hendaklah dijelaskan di Pejabat Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Jalan Stadium, Kementerian Hal Ehwil Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen Tawaran akan diserahkan selepas bayaran dibuat.

3. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapat (sealed) dan ditulis dengan terang mengikut Bilangan Tawaran, Tajuk Tawaran yang disertai:

**Tarikh Tutup: 11 FEBRUARI 2014, jam: 2.00 petang**

tanpa menunjukkan sebarang nama atau

tanda pengenalan syarikat dan ditujukan kepada:

**PENGERUSI**

**LEMBAGA TAWARAN KECIL**

**KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN**

**JALAN SUBOK BANDAR SERI**

**BEGAWAN BD2710**

**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

4. Tawaran hendaklah dimasukkan kedalam Peti Tawaran di Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Hal Ehwil Luar Negeri dan Perdagangan, Jalan Subok, BSB, BD2710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat jam 2.00 petang hari Selasa, 11 FEBRUARI 2014.

5. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran yang tidak munasabah.

7. iklan Tawaran boleh dilayari melalui <http://www.mofat.gov.bn>

JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER- SUMBER UTAMA

**PEMBERITAHUAN TAWARAN  
JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN  
SUMBER- SUMBER UTAMA  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**BILANGAN TAWARAN : JPI/7/2013  
TAJUK : CONSULTANCY SERVICES IN  
THE DEVELOPMENT OF  
DOWNSTREAM SEAFOOD PRODUCTS  
AT INCUBATOR UNITS AT  
DEPARTMENT OF FISHERIES  
BRUNEI DARUSSALAM**

1. TAWARAN hendaklah dialamatkan dan dimasukkan kepada:-

**Pengerusi Tawaran dan Sebut Harga  
Jabatan Perikanan  
Bangunan Kementerian Perindustrian Dan  
Sumber-Sumber Utama,  
Jalan Menteri Besar, BB 3910**

**Negara Brunei Darussalam  
Peti Sebut Harga  
Jabatan PerikananTingkat 1  
Bangunan Kementerian Perindustrian Dan  
Sumber-Sumber Utama,  
Jalan Menteri Besar, BB 3910  
Negara Brunei Darussalam**

2. Tawaran hendaklah dihantar **tidak lewat pada Hari Selasa, 25 Februari 2014. jam 2:00 petang.** Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identity atau logo pembekal/pemborong, ditulis atas sebelah kiri sampul surat:-

**TAWARAN BAGI;  
" CONSULTANCY SERVICES IN THE  
DEVELOPMENT OF DOWNSTREAM  
SEAFOOD PRODUCTS AT  
INCUBATOR UNITS AT DEPARTMENT  
OF FISHERIES,**

**BRUNEI DARUSSALAM"**

**Bilangan Tawaran : JPI/7/2013**

**Tarikh Tutup: 25 Februari 2014**

**Jam Tutup: 2.00 Petang**

4. Untuk penerangan lanjut dan bagi mendapatkan dokumen tawaran, pemohon-pemohon boleh menghubungi **Seksyen Perancangan Kemajuan Industri Perikanan, Tingkat 3, Ibu Pejabat Jabatan Perikanan, Jalan Menteri Besar, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam** di talian 2383067 sambungan 2331, atau melayari laman web Jabatan Perikanan; [www.fisheries.gov.bn](http://www.fisheries.gov.bn) dan pembayaran dokumen tawaran di Tingkat I, Seksyen Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Perikanan, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Berakas, Negara Brunei Darussalam pada hari-hari bekerja:-

**Isnin - Kamis dan Sabtu;  
8.00 pagi - 11.30 pagi  
1.45 petang - 3.00 petang**

5. Yuran sebanyak **B\$30.00** bagi satu tajuk tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap penender.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran tidak munasabah.

7. Salinan dokumen-dokumen seperti Pendaftaran Perniagaan, Lesen Rampaian, Kad Pengenalan/Pasport dan Daftar Pemilik syarikat hendaklah disertakan semasa mengambil dan menghantar borang tawaran.

8. Dokumen-dokumen tawaran boleh didapati mulai hari **Khamis, 7 November 2013.**

9. Sesi **taklimat Tawaran (Briefing) dan lawatan tempat bagi tawaran JPI/7/2013 adalah dimestikan dan akan diadakan seperti berikut:**

**Pada : 23 Januari 2014 (Hari Khamis)**

**Jam : 9.30 pagi**

**Tempat : Divisyen Perkembangan Pemprosesan Makan Laut, Jabatan Perikanan, Muara, Brunei Darussalam.**


# PENGGUNAAN sistem TVRO NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**TAHUKAH AWDA?**

*Peralatan Parabola adalah  
merupakan alat yang terkawal  
di bawah Akta Penyiaran (Penggali 180)*

*Jika awda menggunakan  
sistem TVRO di rumah,  
**AWDA PERLU  
MEMPUNYAI LESEN***

JADILAH PENGGUNA  
YANG BERTANGGUNGJAWAB  
DAPATKAN LESEN AWDA  
**SECARA SAH**



**UNTUK SEBARANG PERTANYAAN**

Sila hubungi Bahagian Penyiaran dan Multimedia, AITI di talian 2323232 atau melalui emel di [info@aiti.gov.bn](mailto:info@aiti.gov.bn)



**YANG** Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima pingat penyertaan daripada Ketua Pegawai Eksekutif Liga S, Lim Chin.

## Pesta Bolasepak Liga-S - DPMM FC 2014

Oleh : Samle Haji Jait  
Foto : Hamdanajib Haji Domeng

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 9 Februari. - Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menyertai Perlawanan Bolasepak Pesta Bolasepak Liga-S - DPMM FC 2014 (S League-DPMM FC Football Fanfare 2014) di Stadium Mini Jerudong.

Pesta bola sepak berkenaan merupakan salah satu aktiviti bagi

memeriahkan lagi kejohanan S League (Liga S) yang mana Kelab Bolasepak DPMM akan menyertai kejohanan berkenaan bagi musim ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Liga S, Lim Chin melahirkan rasa bangga atas sokongan berterusan kelab terbaik di Negara Brunei Darussalam itu dalam menyertai dan seterusnya memberi cabaran pada pasukan dalam Liga S yang akan membuka tirai pada penghujung Februari nanti.

Sebanyak 21 pasukan bagi pemain-pemain di bawah 12 tahun menyertai perlawanan yang dibahagikan kepada tujuh kumpulan.

Pasukan BSSSA 'A' menjuarai kejohanan dan Puspa Grassroot 'A' menjadi naib juara dan tempat ketiga bersama JIS 'A' dan BSSSA 'B'.

Terdahulu, Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bin Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj, Naib Pengerusi Kelab Bolasepak DPMM diperkenalkan kepada pemain dan seterusnya menyampaikan cenderahati kepada Ketua Pegawai Eksekutif Liga S.



**YANG** Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim berkenan bergambar ramai.

## 23 pemain tandatangani kontrak Kelab Bolasepak DPMM



**YANG** Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bin Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj, Timbalan Pengerusi Kelab Bolasepak DPMM semasa menyaksikan majlis penandatanganan tersebut.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 6 Februari. - Kelab Bolasepak DPMM mengadakan Majlis Penandatanganan Kontrak bersama pemain-pemain dan penaja-penaja bagi Kejohanan Bolasepak Liga Singapura 2014 (S League) di Hotel Centrepoint Gadong, di sini.

Berangkat ke majlis penandatanganan tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bin Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj, Timbalan Pengerusi Kelab Bolasepak DPMM.

Seramai 23 orang pemain telah terpilih dan seterusnya menandatangani kontrak yang sekali gus bakal menyalur jersi Kelab Bolasepak DPMM untuk musim ini.

Bagi pihak Kelab Bolasepak DPMM penandatanganannya masing-masing diwakili oleh Pengurus Kelab,

Berita dan Foto : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

Pengiran Haji Muhd. Waslimin bin Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin dan Pengurus Pasukan, Awang Md. Ali bin Haji Momin.

Majlis kemudian diteruskan dengan penandatanganan kontrak tajaan antara Kelab Bolasepak DPMM dengan beberapa buah syarikat.

Kelab Bolasepak DPMM diwakili oleh Pengurus Kelab berkenaan, Pengiran Haji Muhd Waslimin bersama Pengurus Pemasaran, Awang Haji Momin bin Haji Md. Jaafar.

Syarikat-syarikat yang menanda-

tangani bagi tajaan tersebut terdiri daripada Mitsubishi Corporation; Brunei Shell Marketing Co. Sdn. Bhd; Maju Motors Sdn.Bhd; DST Group Sdn. Bhd; Royal Brunei Airlines Sdn. Bhd; Sri Sentosa Sdn. Bhd dan Sport Partnership Pte. Ltd.

Menurut Awang Md. Ali, penandatanganan kontrak petang ini adalah bagi seramai 23 orang yang terdiri daripada 19 orang pemain tempatan dan empat orang pemain luar negara.

Beliau berharap dengan penandatanganan tersebut secara

langsung akan memantapkan lagi Kelab Bolasepak DPMM pada musim ini, selain menyasarkan kedudukan yang lebih baik daripada kedudukan tahun lepas dan cuba meraih sekurang-kurangnya dua piala yang akan dipertandingkan.

Perlawanan pertama pembuka tirai bagi Kelab Bolasepak DPMM akan bermula pada 22 Februari di gelanggang luar dengan melayani pasukan Albirex Niigata dan pada 28 Februari bermain di gelanggang sendiri untuk berhadapan dengan pasukan Warriors FC.



**PENGURUS** Kelab dan Pengurus Pasukan Kelab Bolasepak DPMM semasa menandatangani kontrak perjanjian pemain bagi Kelab Bolasepak DPMM musim 2014.

# Barigakan dasar baru penggunaan 'parabola'



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof menyampaikan kata alu-aluan mengenai dengan Taklimat Dasar Baru Sistem TVRO.

TUTONG, Khamis, 6 Februari. - Dasar baru penggunaan Sistem TV Receive Only (TVRO) atau lebih dikenali sebagai 'parabola' di Negara Brunei Darussalam terus dibarigakan kepada orang ramai di negara ini. Sebagai usaha berterusan



PENOLONG Ketua Eksekutif AITI, Awang Haji Hairul Mohd Daud bin Haji Abdul Karim menyampaikan taklimat mengenai 'Dasar Baru Penggunaan Sistem TVRO (parabola)' yang diadakan di Dewan Serbaguna Serembangun.

mendedahkan dasar baru berkenaan beberapa taklimat telah diadakan di Daerah Brunei dan Muara dan Temburong pada 22 Januari 2014 yang lalu dan Kementerian Perhubungan telah melarutkan taklimat yang sama bagi penduduk Daerah Tutong dan Daerah Belait.

Taklimat yang diadakan di Dewan Serbaguna, Serembangun, dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof, selaku Pengarah Penyiaran.

Beliau menjelaskan, Kementerian Perhubungan telah mengeluarkan dasar baru mengenai penggunaan Sistem TVRO atau 'parabola'.

Dasar baru bagi penggunaan Sistem TVRO di negara ini, katanya, adalah seperti penghapusan secara berfasa dalam tempoh lima tahun bagi penggunaan Sistem TVRO bagi orang ramai mulai daripada 1 September 2013.

Selepas tamat tempoh lima tahun tersebut, Sistem TVRO dengan saluran-saluran yang terhad, katanya, hanya akan dibenarkan kepada agensi-agensi atau premis-premis tertentu yang diiktiraf oleh kerajaan sahaja seperti institusi kerajaan, institusi media, kedutaan-kedutaan, hotel-hotel, badan-badan berkanun kerajaan, institusi pengajian tinggi dan institusi perubatan.

Kadar lesen penggunaan Sistem TVRO adalah dikekalkan iaitu bagi Premis Persendirian lesen tahunan berharga BND360; BND500

bagi Premis Restoran, manakala bagi Hotel dan Apartment pula berharga BND1,200.

Dasar baru yang seterusnya, jelasnya ialah semua kemasukan (pengimportan) set Sistem TVRO akan dibekukan.

Berikutan dengan Siaran Akhbar Kementerian Perhubungan yang telah dikeluarkan pada 6 Ogos 2013 dan 22 Januari 2014, orang ramai, tegasnya, diberikan tempoh selama enam bulan mulai 1 September 2013 sehingga 1 Mac 2014 untuk memohon lesen secara sah bagi penggunaan Sistem TVRO yang sedia ada sebelum sebarang tindakan diambil.

Sementara itu, Taklimat Dasar Baru Penggunaan Sistem TVRO (parabola) bagi Negara Brunei Darussalam disampaikan oleh Penolong Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi (AITI), Awang Haji Hairul Daud bin Haji Abdul Karim.

Beliau antara lain menyentuh mengenai isu-isu utama yang diberikan perhatian di dalam penggubalan dasar baru ini yang antaranya menekankan penggunaan di Negara Brunei Darussalam yang mesti selaras dengan amalan-amalan terbaik serantau dan antarabangsa dalam dasar penggunaan TVRO.

Bagaimanapun isu-isu keselamatan dalam negeri mungkin timbul yang mana program yang disiarkan melalui Sistem TVRO boleh dijadikan sebagai media propaganda sesebuah negara jika terjadinya sebuah konflik.

Oleh : Aryentty Haji Ariffin  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Dari segi operasional pula, dasar baru ini juga bertujuan membendung Sistem TVRO yang beroperasi secara haram. Oleh yang demikian, Kementerian Perhubungan memberi perhatian yang serius dalam melaksanakan dasar baru ini serta akan mengambil langkah-langkah yang tegas dalam memantau pelaksanaan dan penguatkuasaannya.

"Dasar baru penggunaan Sistem TVRO ini bertujuan untuk menjadikan industri penyiaran di negara ini lebih teratur, kompetitif, dinamik, terkawal serta beridentiti tersendiri dalam memenuhi cita rasa awam, di samping menyumbang kepada pertumbuhannya," ujarnya.

Dalam mengembangmajukan lagi industri penyiaran di negara ini, Kementerian Perhubungan dan AITI berhasrat untuk memastikan kualiti rancangan dan kandungan yang tinggi dalam aspek hiburan, informasi dan pembentukan akhlak bagi program-program yang disiarkan.

Langkah ini bertujuan untuk mencapai kemajuan dan pembaikan industri penyiaran tempatan dan juga akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Perancangan Kementerian Perhubungan dengan AITI seterusnya ialah untuk memudahkan permohonan dan pembayaran lesen yang dibuat khususnya bagi orang ramai di kesemua daerah.

Pada masa ini, pihak Kementerian Perhubungan dan AITI sedang membuat percubaan bagi penerimaan permohonan dan pembayaran lesen TVRO di ketiga-tiga buah cawangan pos iaitu di Pos Seria, Pos Kuala Belait dan di Pos Bangar.

Permohonan dan pembayaran melalui cawangan-cawangan pos tersebut seterusnya akan dilarutkan ke cawangan-cawangan pos lain di seluruh negara.

Orang ramai bolehlah membuat permohonan dan pembayaran lesen di cawangan-cawangan pos berkenaan mulai 17 Februari 2014 ini.

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi talian 2323232 pada waktu pejabat atau melalui e-mel kepada info@aiti.gov.bn.

Turut hadir ialah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Haji Idris bin Haji Ali; Pegawai Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali, pegawai-pegawai kanan dari Radio Televisyen Brunei (RTB), AITI dan agensi-agensi yang berkaitan, penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung Daerah Tutong dan Kuala Belait, agensi-agensi kerajaan, penjual-penjual serta pihak penyiaran tempatan.

## Peserta persembahan padang berlatih dengan penuh bersemangat



DAYANG Nur Adiyatulatika binti Haji Rosli dari Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Tutong berasa teruja dapat menyertai persembahan padang pada tahun ini yang diadakan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.



AWANG Md Nur Wafri Ihsan bin Haji Asmawi ketika ditemu ramah oleh wakil PELITA BRUNEI.



AWANG Muhd Aqil Akmal Johaimi gembira dapat menyertai persembahan padang mewakili sekolah beliau.



KETUA Jurulatih Persembahan Padang Dayang Hajah Aini binti Haji Judin ketika memberikan penerangan ringkas mengenai dengan format persembahan padang pada tahun ini.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Februari. - Persediaan bagi meraikan Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30 Tahun terus rancak diadakan.

Lebih 5,400 pelajar dari sebanyak 38 buah sekolah seluruh negara terlibat menyertai latihan bagi persembahan padang.

"Persembahan kali ini sesuai dengan tema Hari Kebangsaan Ke-30 Tahun iaitu 'Generasi Berwawasan' yang mana pelbagai corak telah direka bagi menggambarkan kedaulatan dan kemakmuran yang memberi erti begitu mendalam sekali terutama dalam mengekspresi luahan rasa kasih dan cinta terhadap negara," jelas Ketua Jurulatih Persembahan Padang, Dayang Hajah Aini binti Haji Judin kepada PELITA BRUNEI.

Bagi Dayang Nur Adiyatulatika binti Haji Rosli pelajar Tahun 9 dari Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, menyatakan ini adalah merupakan kali pertama melibatkan diri bagi sama-sama meraikan Hari Kebangsaan pada tahun ini.

"Saya merasa bangga kerana dapat menyertai persembahan padang bagi memeriahkan lagi suasana Sambutan Hari Kebangsaan nanti dan ini adalah merupakan sumbangan ikhlas daripada saya sebagai rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang



LATIHAN bagi Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30 giat diadakan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah dengan penyertaan dari penuntut sekolah-sekolah seluruh negara.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam," ujarnya.

Awang Muhammad Aqil Akmal bin Johaimi pula menjelaskan walaupun cuaca agak panas dan matahari begitu terik tetapi demi negara tercinta, beliau sanggup bertahan kerana ini juga

merupakan kali pertama beliau terlibat dalam sama-sama memeriahkan suasana Sambutan Hari Kebangsaan yang bakal menjelang tiba.

"Saya begitu teruja kerana dipilih oleh pihak sekolah untuk menjadi sebahagian daripada mereka yang penting

di hari yang bersejarah itu nanti," kata pelajar Tahun 10 dari Sekolah Menengah Pehin Dato Seri Maharaja (SMPDSM) itu.

Menurut Awang Mohd Nur Wafri Ihsan bin Haji Asmawi juga pelajar Tahun 10 dari SMPDSM, beliau merasa beruntung kerana selain dari memperolehi pengalaman, beliau juga memperolehi ramai kawan-kawan baru dari sekolah-sekolah lain.

**"PERSEMBAHAN kali ini sesuai dengan tema Hari Kebangsaan Ke-30 Tahun iaitu 'Generasi Berwawasan' yang mana pelbagai corak telah direka bagi menggambarkan kedaulatan dan kemakmuran yang memberi erti begitu mendalam sekali terutama dalam mengekspresi luahan rasa kasih dan cinta terhadap negara," jelas Ketua Jurulatih Persembahan Padang, Dayang Hajah Aini binti Haji Judin**

## Kualiti kesihatan rakyat dipertingkatkan



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof semasa mempengerusikan Sesi Muzakarah Dengan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), berlangsung di Dewan Al 'Afiah, Kementerian Kesihatan.

### Dari muka 1

Yang Berhormat juga menyentuh mengenai kepentingan kesihatan dalam mendukung dan merealisasikan Wawasan Brunei 2035 iaitu menjadikan Negara Brunei Darussalam terkenal di seluruh dunia dengan kehidupan rakyat yang berkualiti dengan mengamalkan dasar 'Universal Health Coverage'.

Melalui konsep itu, katanya, kementerian berkenaan akan terus berusaha dalam memastikan agar semua lapisan rakyat dan penduduk di negara ini mendapat penjagaan kesihatan yang komprehensif, holistik, mudah diakses dan saksama.

Yang Berhormat juga menekankan mengenai tanggungjawab bersama terhadap penjagaan kesihatan di negara ini iaitu khususnya semua pihak-pihak yang berkepentingan (*stakeholders*) meliputi setiap individu dalam kalangan semua peringkat masyarakat di negara ini.

Katanya, kerjasama erat dari semua lapisan masyarakat, termasuk Yang Berhormat Ahli-ahli MMN adalah sangat-sangat dialu-alukan bagi sama-sama meningkatkan lagi kualiti kesihatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Dalam pada itu, Yang Berhormat juga turut mengongokan perkembangan pelaksanaan perkhidmatan perubatan di sepanjang tahun 2013.

Jelasnya, antaranya Program Pemandahan Buah Pinggang; Prosedur klinikal menggunakan teknik baru iaitu 'Renal Artery Denervation' bagi rawatan pesakit yang menghidap tekanan darah tinggi yang kronik; Terapi 'Insulin Infusion Pump' sebagai salah satu pilihan rawatan bagi pesakit-pesakit diabetes dan juga mengenai program rawatan pesakit-pesakit yang menghadapi masalah pendengaran. Perkhidmatan pemasangan alat pendengaran terus ke bahagian dalam telinga (*chochlea*) iaitu Bone Anchored Hearing Aids (BAHA) akan diperkenalkan tidak lama lagi.

Sementara itu, Yang Berhormat juga menjelaskan mengenai langkah untuk menangani cabaran peningkatan penyakit-penyakit tidak berjangkit



SESI Muzakarah Kementerian Kesihatan Dengan Ahli-Ahli MMN yang berlangsung di Dewan Al 'Afiah, Kementerian Kesihatan.

di negara ini, Kementerian Kesihatan telah membentuk satu strategi iaitu Pelan Tindakan Multi-Sektor Negara Brunei Darussalam Bagi Pencegahan dan Pengawalan Penyakit-Penyakit Tidak Berjangkit 2013-2018 (Bru-MAP NCD 2013-2018).

Pelan strategi itu bertujuan bagi menangani trend penyakit-penyakit tidak berjangkit yang semakin menular dari setahun ke setahun, dengan menetapkan sasaran bagi mengurangkan faktor-faktor risiko dan seterusnya jumlah kematian yang berpunca daripada penyakit-penyakit berkenaan.

Menteri Kesihatan itu juga menyentuh Pelaksanaan Sistem Maklumat dan Pengurusan Penjagaan Kesihatan Negara Brunei Darussalam (Bru-HIMS) yang telah bermula sejak tahun 2012 dan kini telah pun beroperasi di semua hospital kerajaan serta pusat-pusat dan klinik-klinik kesihatan di seluruh negara.

Hadir dalam Sesi Muzakarah tersebut ialah Jurutulis II (Kedua) kepada MMN, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abd. Salam bin Abd. Momin; Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Datin Paduka Dayang Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abd Jalil; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan dan pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Kesihatan.

Dalam Sesi Muzakarah tersebut satu taklimat mengenai 'Tanggungjawab dan Peranan Kementerian Kesihatan Dalam Mendukung Wawasan Negara 2035 Bagi Mengukuhkan Sistem dan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Negara' telah disampaikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan. Sejurus selepas itu diikuti dengan sesi soal jawab daripada Ahli-ahli MMN.

## TAP isytihar 2.5 peratus dividen tahun kewangan 2013

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Februari. -Tabung Amanah Pekerja (TAP) memaklumkan bahawa Lembaga TAP mengisytiharkan dividen untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2013 pada kadar 2.5 peratus.

Dividen pada Tahun Kewangan 2012-2013 ini telah pun dikreditkan ke dalam akaun ahli-ahli TAP. Penyata Kira-Kira Ahli akan dihantar melalui pos, walau bagaimanapun, ahli juga boleh mendapatkan maklumat akaun mereka sama ada dengan mengunjungi mana-mana pejabat TAP pada waktu bekerja, melalui Kiosk e-Info TAP, ataupun secara *online* melalui portal e-Amanah TAP bagi ahli-ahli yang telah mendaftar secara *online*.

Dengan kadar tersebut, sebanyak empat puluh lima juta, empat ratus enam belas ribu, sembilan puluh lima ringgit dan sembilan satu sen (BND45,416,095.91) telah pun dimasukkan ke dalam 126,118 akaun ahli bagi Tahun Kewangan 2012-2013.

## Berangkat ke Konsert Muzik Tradisional Jepun

### Dari muka 1

'AUN' merupakan kumpulan dua adik-beradik kembar bernama Ryohei dan Kohei Inoue, manakala 'HIDE' adalah singkatan nama bagi Hideyuki Saito yang suatu ketika dulu merupakan pemain drum bagi kumpulan 'KODO' pada tahun 1987.

Juga berangkat menyaksikan konsert tersebut ialah anakanda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Abdul Wadood Bolkihah dan isteri.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah dan isteri serta Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang

Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman adalah antara yang hadir ke konsert tersebut.

Negara Brunei Darussalam dan Jepun telah menubuhkan hubungan persahabatan melalui pelbagai pertukaran budaya antara masyarakat, selain mengukuhkan lagi hubungan baik antara kedua-dua buah negara dengan menyediakan lebih banyak peluang dalam pertukaran budaya.

Hubungan kerjasama dan persahabatan antara kedua-dua buah negara semakin kukuh dan mantap sejak penubuhan hubungan diplomatik pada 2 April 1984, kerjasama di antara kedua-dua buah negara berterusan dalam mengukuhkan dan mengembangkan dalam pelbagai bidang termasuk perdagangan dan pelaburan, pendidikan, kebudayaan, belia, perindustrian, pertanian dan kesihatan.

# Perkhidmatan rawatan pesakit perlu sokongan semua pihak

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Februari. - Keperluan dan penekanan kerja berpasukan dapat dilihat di wad, klinik, bilik-bilik bedah dan di seluruh Kementerian Kesihatan.

Tidak ada gunanya mempunyai pakar bedah yang terbaik di dunia jika dia tidak mempunyai sokongan yang betul, seperti mempunyai pakar bius yang baik, atau kakitangan kejururawatan yang baik dalam bilik bedah dan di dalam wad dan kakitangan pentadbiran yang baik untuk memastikan dia mempunyai peralatan yang betul dalam melakukan kerja dengan cara yang profesional.

Demikianlah yang ditegaskan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, selaku tetamu kehormat dalam Majlis Sambutan Tahun Baru Cina Kementerian Kesihatan yang diadakan di Orchid Garden Hotel.

Yang Berhormat menjelaskan, janganlah kita lupa kumpulan yang semakin meningkat dalam profesional kesihatan menyediakan pelbagai perkhidmatan rawatan pesakit dan sokongan langsung.

Yang Berhormat berpendapat bahawa pendekatan pelbagai disiplin untuk penjagaan kesihatan bukan sahaja cadangan dalam talian dengan Suruhanjaya Antarabangsa Bersama (JCI) tetapi adalah penting untuk penyampaian penjagaan kepada pesakit untuk memastikan hasil klinikal terbaik, terutamanya bagi mereka yang mengalami keadaan kesihatan pelbagai dan kompleks.

"Oleh itu, saya mengharapkan sumbangan yang berterusan dan usaha bersepadu daripada setiap seorang daripada kita, bukan sahaja untuk menyediakan tetapi yang paling penting, meningkatkan kualiti dan efisiensi perkhidmatan penjagaan kesihatan bagi penduduk Negara Brunei Darussalam," ujarnya.

Majlis Sambutan Tahun Baru Cina ini dianjurkan oleh Pakar-Pakar Penjagaan Kesihatan Cina di bawah Kementerian Kesihatan.

Persembahan Kaligrafi Cina, Pukulan Gendang dan Wu Shu serta cabutan bertuah khusus untuk para jemputan turut menyerikan majlis.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Tahun Baru Cina Kementerian Kesihatan.



PERSEMBAHAN kebudayaan oleh Kumpulan Senandung Budaya turut menyerikan Konsert Tradisional Jepun.

## 'KIBARKANLAH DENGAN MEGAH BENDERA NEGARA'

دتریتکن اوله جباتن فنراغن، جباتن فردان منتری دان دچیتق اوله جباتن فرچیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.